

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 10  
HINGGA 67 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK  
PENYATA RASMI HARLAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN:

LISAN

DARI PAD A                      SAIFUDDIN NASUTION   BIN ISMAIL  
   [MACHANG]

TARIKH                              9 APRIL 2012

SOALAN:

Saifuddin Nasution Bin Ismail [Machang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berdasarkan sistem data bank eKasih berapa bilangan isi rumah yang didaftar di bawah kategori miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar (melempi threshold) di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 31 Disember 2011, sejumlah 365,886 isi rumah di seluruh negara telah berdaftar dalam eKasih di mana 17,106 isi rumah atau 4.6% tergolong dalam kategori miskin tegar, 108,904 isi rumah atau 29.7% miskin, sejumlah 162,539 isi rumah atau 44.4% dalam kategori mudah miskin dan selebihnya 77,337 isi rumah atau 21.3% telah

melepassi *threshold*.



Status kedudukan bilangan isi rumah bagi negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak mengikut kategori adalah seperti di Jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>MISKIN</b>	<b>MUDAH MISKIN</b>	<b>MELEPASI THRESHOLD</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Kedah <i>Peratus (%)</i>	477 2.2%	5,710 26.0%	12,163 55.4%	3,609 16.4%	21,959 100.0%
2.	Kelantan <i>Peratus (%)</i>	2,170 4.5%	15,465 32.4%	23,114 48.5%	6,924 14.5%	47,673 100.0%
3.	Pahang <i>Peratus (%)</i>	83 0.57%	2,788 19.2%	9,727 67.1%	1,901 13.3%	14,499 100.0%
4.	Perlis <i>Peratus (%)</i>	243 2.4%	2,116 21.2%	4,372 43.7%	3,267 32.6%	9,998 100.0%
5.	Sabah <i>Peratus (%)</i>	6,090 10.9%	28,539 51.3	14,344 25.8%	6,617 11.9%	55,590 100.0%
6.	Sarawak <i>Peratus (%)</i>	5,279 8.2%	25,973 40.5%	23,165 36.1%	9,674 15.1%	64,091 100.0%
7.	Terengganu <i>Peratus (%)</i>	209 0.49%	6,528 15.5%	21,651 51.4%	13,699 32.5%	42,087 100.0%
	<b>JUMLAH</b>	<b>14,551</b>	<b>87,119</b>	<b>108,050</b>	<b>45,682</b>	<b>255,897</b>
	<b>PERATUS (%)</b>	<b>5.7%</b>	<b>34.0%</b>	<b>42.2%</b>	<b>17.8%</b>	<b>100.00%</b>

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH  
BINTI ABD RAHMAN**

**(TANJONG MANIS)**

**TARIKH**

**9 APRIL 2012**

**SOALAN**

**11**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan bilakah jalan kampung untuk menyambungkan bahagian utara Pulau Brait dengan bahagian selatan dapat dimulakan bagi memudahkan perjalanan pergi balik bagi murid-murid Sekolah Menengah Berasrama yang telah diluluskan untuk dibina oleh Kerajaan di bahagian selatan Pulau Brait memandangkan Pulau Brait mempunyai keluasan sebesar Singapura.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian pada masa ini telah komited dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan di bawah "*second rolling plan*" RMKe-10.

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menyenaraikan projek membina jalan kampung yang menyambungkan bahagian utara Pulau Bruit dengan bahagian selatan Pulau Bruit, di bawah "*third rolling plan*" RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada 2013-2015.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD  
(KUALA SELANGOR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.04.2012

Y.B. DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD [ KUALA SELANGOR ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bagaimanakah Kerajaan boleh menjamin pulangan tetap dan kedudukan komplian syariahnya Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA1M) yang khusus untuk golongan berpendapatan kurang dari RM3,000 sebulan dengan pulangan yang dijamin sebanyak RM13,500 dalam masa 5 tahun, pada setiap



pembelian saham 5,000 unit saham pada harga RM1 seunit.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat Beruas yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 9 dan 10 April 2012 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan antara RM500 hingga RM3,000 sebulan menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.
3. Di bawah pelaksanaan skim ini, institusi kewangan yang teriibat menyediakan dana pinjaman kepada 100,000 peserta yang layak memohon pinjaman berjumlah RM500 juta atau RM5,000 bagi setiap peserta untuk tempoh selama 5 tahun untuk melabur dalam 5,000 unit Amanah Saham IMalaysia (AS 1M) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).
4. Setiap peserta hanya perlu membayar balik pinjaman kepada bank sebanyak RM84 sebulan selama 59 bulan dan RM44 pada buian ke-60. Peserta akan mendapat 5,000 unit AS 1M di akhir tempoh 5 tahun setelah menjelaskan kesemua komitmen bulanan tersebut.
5. Bagi memastikan peserta membayar balik pinjaman tersebut setiap bulan dan terus membuat tabungan dan pelaburan, peserta akan diberi insentif kira-kira RM134 sebulan (bergantung kepada hasil pulangan dari pelaburan yang diperolehi oleh SARA) selama tempoh penyertaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya peserta gagal membuat bayaran balik pinjaman

dalam sesuatu bulan, maka tiada bayaran insentif yang akan diberikan pada .bulan berikutnya.

6. Pembayaran insentif ini dibuat kepada peserta dalam bentuk unit-unit tambahan AS 1M dan boleh dikeluarkan oleh peserta untuk kegunaan peribadi. Sekiranya insentif ini tidak dikeluarkan oleh peserta dan terus dikekalkan sebagai pelaburan tambahan, peserta dijangka dapat mengumpul insentif kira-kira RM8,000 pada akhir tahun kelima. Jumlah RM8,000 ini apabila dicampur dengan pinjaman asas sebanyak RM5,000 akan menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan yang akan diterima oleh peserta kira-kira RM13,000 di akhir tempoh 5 tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Skim ini telah dilaksanakan dengan kerjasama empat (4) buah institusi kewangan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada peserta untuk melabur dalam unit AS 1M. Institusi kewangan tersebut ialah Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan Bank Simpanan Nasional merupakan ejen kepada ASNBN. Oleh kerana bank-bank ini mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negara yang melebihi 1,300 buah, setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelosok negara, sama ada di bandar mahupun di luar bandar akan mendapat peluang yang saksama untuk menyertai skim ini. Rangkaian cawangan yang meluas ini akan memberikan kemudahan kepada peserta untuk membuat bayaran balik pinjaman SARA kelak.

8. Selain itu, pihak bank juga menawarkan suatu pakej istimewa kepada peserta SARA dengan kadar faedah yang rendah. Ini sudah tentu akan dapat membantu SARA dalam menjana pulangan yang munasabah dan pengagihan keuntungan yang berterusan kepada peserta skim ini.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam SARA tidak boleh dibuat secara tunai tetapi menerusi pinjaman daripada institusi kewangan yang ditetapkan. Kaedah ini membantu golongan berpendapatan rendah yang kurang berkemampuan untuk mengeluarkan modal yang besar bagi membuat pelaburan dalam saham amanah. Pinjaman bank membolehkan peserta untuk membayar secara ansuran tetapi pada masa yang sama masih dapat menikmati manfaat pulangan dari pelaburan dalam saham amanah sepenuhnya seolah-olah pelaburan telah dibuat pada hari pertama lagi.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI

TARIKH

9 APRIL 2012 (ISNIN)

SO ALAN:

## SOALAN NO: 13

Datuk Abd. Rahman bin Bakri (Sabak Bernam) minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mendorong penerbitan drama dan filem yang dapat menyumbang dalam membangunkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia dan nyatakan langkah Kementerian bagi mengurangkan drama dan filem berunsurkan tahyul dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini menerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sentiasa memberikan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada penerbit filem tempatan bagi menghasilkan filem dan dokumentari bercorak patriotik yang mampu menyemai semangat cintakan negara seperti Dana Penerbitan Filem Kenegaraan dan Warisan.

Selain itu, bermula tahun 2007, FINAS dengan kerjasama badan penyiar antarabangsa seperti *National Geography*, *AETN All Asia Network* dan *History Channel* turut menerbitkan dokumentari berkaitan sejarah serta tokoh negara dan peristiwa-peristiwa penting berkaitan pembinaan sebuah negara bangsa Malaysia yang dapat mengukuhkan lagi jati diri dan memupuk semangat nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia. Sejumlah 30 judul dokumentari telah diterbitkan menerusi program ini. Antara dokumentari yang telah dihasilkan ialah '*Our Founding Fathers : Tun Abdul Razak*', '*The Malayan Emergency*', '*VAT 69 - Malaysia's Very Able Troopers*', '*Becoming A King*', *Malaysia Special: Smart Tunnel* dan banyak lagi.

## SOALAN NO: 13

Kementerian sentiasa menggalakkan penerbitan filem-filem yang dapat memberi kesan baik kepada masyarakat. Penerbit filem juga perlu mematuhi Garis Panduan Penapisan Filem yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF). Di samping itu, Kementerian juga menyarankan agar penerbit filem yang ingin menghasilkan filem-filem berunsur seram dan mistik supaya merujuk dan mematuhi Garis Panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang merangkumi Garis Panduan 'Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam' dan Garis Panduan 'Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Unsur-Unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Sunah Wal Jamaah. Syarikat produksi juga diminta agar lebih pro-aktif merujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan terutamanya semasa di peringkat penghasilan skrip bagi mengelakkan sebarang pertikaian atau menimbulkan polemik di kemudian hari.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL  
(INDERA MAH KOTA)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.04.2012

Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL [ INDERA MAHKOTA ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk membangunkan Skim Saraan IMalaysia yang dikatakan sebagai skim pelaburan amanah yang boleh menjamin tabungan di kalangan rakyat Malaysia serta berapakah jangkaan nilai keseluruhan dan kadar keuntungannya.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor dan Ahli Yang Berhormat Beruas yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 9 dan 10 April 2012 kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Amanah Rakyat IMalaysia (SARA) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan antara RM500 hingga RM3,000 sebulan menabung dan melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

3. ' Di bawah pelaksanaan skim ini, institusi kewangan yang terlibat menyediakan dana pinjaman kepada 100,000 peserta yang layak memohon pinjaman berjumlah RM500 juta atau RM5,000 bagi setiap peserta untuk tempoh selama 5 tahun untuk melabur dalam 5,000 unit Amanah Saham IMalaysia (AS 1M) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

4. Setiap peserta hanya perlu membayar balik pinjaman kepada bank sebanyak RM84 sebulan selama 59 bulan dan RM44 pada bulan ke-60. Peserta akan mendapat 5,000 unit AS 1M di akhir tempoh 5 tahun setelah menjelaskan kesemua komitmen bulanan tersebut.

5. Bagi memastikan peserta membayar balik pinjaman tersebut setiap bulan dan terus membuat tabungan dan pelaburan, peserta akan diberi insentif kira-kira RM134 sebulan (bergantung kepada hasil pulangan dari pelaburan yang diperolehi oleh SARA) selama tempoh penyertaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya peserta gagal membuat bayaran balik pinjaman dalam sesuatu bulan, maka tiada bayaran insentif yang akan diberikan pada bulan berikutnya.

6. Pembayaran insentif ini dibuat kepada peserta dalam bentuk unit-unit tambahan AS 1M dan boleh dikeluarkan oleh peserta untuk kegunaan peribadi. Sekiranya insentif ini tidak dikeluarkan oleh peserta dan terus dikekalkan sebagai pelaburan tambahan, peserta dijangka dapat mengumpul insentif kira-kira RM8,000 pada akhir tahun kelima. Jumlah RM8,000 ini apabila dicampur dengan pinjaman asas sebanyak RM5,000 akan menjadikan jumlah pelaburan keseluruhan yang akan diterima oleh peserta kira-kira RM13,000 di akhir tempoh 5 tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Skim ini telah dilaksanakan dengan kerjasama empat (4) buah institusi kewangan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada peserta untuk melabur dalam unit AS 1M. Institusi kewangan tersebut ialah Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan Bank Simpanan Nasional merupakan ejen kepada ASNB. Oleh kerana bank-bank ini mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negara yang melebihi 1,300 buah, setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelosok negara, sama ada di bandar mahupun di luar bandar akan mendapat peluang yang saksama untuk menyertai skim ini. Rangkaian cawangan yang meluas ini akan memberikan kemudahan kepada peserta untuk membuat bayaran balik pinjaman SARA kelak.

8. Selain itu, pihak bank juga menawarkan suatu pakej istimewa kepada peserta SARA dengan kadarfaedah yang rendah. Ini sudah tentu akan dapat membantu SARA dalam menjana pulangan yang munasabah dan pengagihan keuntungan yang berterusan kepada peserta skim ini.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam SARA tidak boleh dibuat secara tunai tetapi menerusi pinjaman daripada institusi kewangan yang ditetapkan. Kaedah ini membantu golongan berpendapatan rendah yang kurang berkemampuan untuk mengeluarkan modal yang besar bagi membuat pelaburan dalam saham amanah. Pinjaman bank membolehkan peserta untuk membayar secara ansuran tetapi pada masa yang sama masih dapat menikmati manfaat pulangan dari pelaburan dalam saham amanah sepenuhnya seolah-olah pelaburan telah dibuat pada hari pertama lagi.

Tuan Yang di-Pertua,



**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN  
RADIN  
**DARI PADA :** KINABATANGAN 9 APRIL 2012  
**KAWASAN** (ISNIN)  
**TARIKH :**  
**LISAN**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADEN**

**(KINABATANGAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) langkah segera Kerajaan dalam mengatasi kerosakan serta permukaan berlubang-lubang Lebuhraya Sandakan - Kota Kinabalu - Tawau, Sabah; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menaik taraf lebuhraya sedia ada Kota Kinabalu-Sandakan-Tawau.

## JAWAPAN

(a SC b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan bagi membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada di Negeri Sabah adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Pembangunan Jalan Raya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP), Fasa 2 untuk Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Labuan). Dokumen ini telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2010 setelah berbincang dan mendapatkan pandangan dari peibagai pihak, termasuk input dari Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat.

Hasil kajian itu telah mengenal pasti senarai projek jalan yang akan dilaksanakan di negeri Sabah, termasuk cadangan untuk menaik taraf jalan empat lorong dua hala dari Kota Kinabalu ke Sandakan sepanjang 336 kilometer dan dari Sandakan ke Tawau (312 kilometer). Antara jajaran yang terlibat dengan cadangan menaik taraf projek ini ialah dari Kota Kinabalu - Tamparuli (36km), Tamparuli - Ranau (72km), Ranau - Telupid (98km), Telupid - Sandakan (130km), Sandakan - Lahad Datu (170km), dan Lahad Datu - Tawau (142 km). Peiaksanaan projek naik taraf jalan ini akan diiaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Pembangunan, tertakluk kepada jumlah pertambahan isi padu trafik di laluan berkenaan dan peruntukan semasa Kerajaan.

Walaupun begitu, Kerajaan sememangnya mengambil maklum dan amat prihatin mengenai keadaan jalan raya di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Kerajaan pada bulan Februari 2012 yang lalu telah bersetuju meluluskan peruntukan khas di bawah *Rolling Plan* ke-2, RMKe-10 sebanyak RM50 juta untuk menaik taraf jalan-jalan utama di Sabah, termasuk jalan-jalan utama yang menghubungkan Pantai Barat dan Pantai Timur Negeri Sabah. Peruntukan itu merupakan tambahan kepada peruntukan sedia ada sebanyak RM68 juta yang telah diluluskan dalam tahun 2012 kepada Kementerian ini untuk tujuan menyelenggara Jalan- jalan Persekutuan di negeri tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini Kementerian Kerja Raya telah mengenai pasti sebanyak 38 projek kecil bernilai antara RM200,000 hingga RM2 juta bagi tujuan dilaksanakan di jalan-jalan Persekutuan di Sabah. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan menerusi peruntukan khas RM50 juta itu ialah cadangan pembaikan turapan jalan, membina lorong-lorong memotong, membaik pulih kawasan mudah banjir dan menaik taraf lokasi sering berlaku kemalangan (*blackspot*). Di samping itu, sebanyak RM7 juta daripada peruntukan tersebut akan dibelanjakan bagi tujuan pembaikan cerun di Jalan Persekutuan di Sabah pada tahun ini. Projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh masa yang terdekat dan dijangka akan disiapkan selewat-lewatnya pada akhir pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**SOALAN NO. 16**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

TARIKH 9 APRIL 2012 (ISNIN)

**SOALAN**

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan statistik rakyat yang hidup sebagai gelandangan di negara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan masa depan mereka terbela. Apakah ada sistem sokongan efektif bagi menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) prihatin dan memandang serius akan isu golongan gelandangan. Sehubungan itu, Kementerian telah mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi secara *multi-sectoral* bagi menangani isu ini di bawah Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan yang diterajui oleh Ketua Setiausaha KPWKM. Jawatankuasa ini yang ditubuhkan pada bulan Mac 2010 berperanan untuk menyelaraskan program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Sebagai langkah permulaan, JKJ telah menjalankan *profiling* golongan gelandangan di empat buah (4) bandar raya utama iaitu Kuala Lumpur, Johor Bahru, Georgetown dan Kuching. Berdasarkan *profiling* tersebut, pihak JKJ telah mengenal pasti seramai 1,646 golongan gelandangan yang berada di bandar-bandar berkenaan. Pecahan golongan gelandangan

adalah seperti berikut iaitu 1,387 orang gelandangan di bandar raya Kuala Lumpur, Johor Bahru (99 orang), Georgetown (150 orang) dan Kuching (10 orang). Maklumat daripada *profiling* ini membantu JKM untuk merangka program yang khusus bagi menangani isu golongan gelandangan.

Tuan Yang Di Pertua,

Satu daripada inisiatif KPWKM ialah penubuhan Pusat Sehati Intervensi di Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Anjung Singgah. Pusat ini yang beroperasi pada 9 April 2011 dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara. Penubuhan pusat intervensi ini bertepatan dengan usaha KPWKM untuk mengintegrasikan semula golongan gelandangan ke dalam masyarakat agar mereka tidak terus tercicir daripada arus perdana pembangunan negara.

Antara program dan perkhidmatan yang disediakan di Anjung Singgah bagi membantu golongan gelandangan adalah seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan kaunseling dan *buddy system* kepada golongan gelandangan bagi meningkatkan motivasi diri dengan kerjasama Urus Setia Lembaga Kaunselor (ULK);

- (ii) Program penempatan pekerjaan yang dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta;
- (iii) Program promosi kesihatan yang dijalankan dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur;
- (iv) Program *repatriasi* yang bertujuan membantu golongan gelandangan yang ingin kembali semula ke negeri asal bagi memulakan kehidupan baru; dan
- (v) Program bercorak *social enterprise* seperti program latihan keusahawanan yang diberikan kepada golongan gelandangan yang produktif bagi memulakan perniagaan dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan syarikat swasta.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain penubuhan Anjung Singgah, golongan gelandangan yang diselamatkan susulan operasi membanteras pengemisan oleh JKM akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala warga emas yang

berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin.

Di kedua-dua DBD dan RSK ini, mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Mereka juga diberikan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan dan bimbingan kaunseling. Sebagai tambahan, mereka turut mengikuti latihan vokasional, pertanian, kraf tangan, bimbingan agama, dan rekreasi. Bagi golongan gelandangan yang mempunyai keluarga, mereka akan diserahkan kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

DARIPADA LISAN  
Y.B. DATUKMD.SIRAT BIN ABU  
(BUKIT KATIL)

TARIKH 09.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [ BUKIT KATIL ] minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang dilaksanakan bermula tahun 2012 merupakan proses penambahbaikan berterusan dasar pendidikan negara. Setakat ini, sejauh manakah perkembangan MBMMBI yang telah dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) mulai tahun 2011 merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) meningkatkan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah di samping meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran(p&p) Sains dan Matematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Dasar MBMMBI telah memasuki tahun kedua iaitu telah dilaksanakan untuk murid Tahun 1 dan Tahun 2 di sekolah rendah. Mereka telah mempelajari kurikulum baru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, bermula daripada ilmu asas bahasa dengan cara yang menarik dengan dibantu oleh guru-guru terlatih berbantu alat ICT terkini. Guru-guru turut dibimbing dan dibantu oleh

penutur jati dan sukarelawan *English*

*Teaching Assisten* (ETA) dari luar negara. Pada masa yang sama bahasa Malaysia telah digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan menengah. Selaras dengan prinsip rakyat didahulukan, murid masih dibenarkan mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris berdasarkan kesediaan murid dan guru.

SOALAN NO.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID  
BIN ENDUT  
**KAWASAN** KUALA TERENGGANU 9 APRIL  
**TARIKH :** 2012 (ISNIN)

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan hasil kajian terhadap tahap keselamatan Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) Kuala Terengganu serta laporan yang menyatakan stadium tersebut tidak lagi selamat untuk digunakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu merupakan projek Kerajaan Negeri Terengganu yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan. Projek bernilai RM292.9 juta ini telah disiapkan bulan Mei 2008. Walau bagaimanapun pada 2 Jun 2009, sebahagian dari bumbung utama stadium tersebut telah runtuh dan ia terpaksa ditutup. Berikutan itu, Kerajaan Negeri Terengganu pada bulan Mac 2011 telah mengarahkan JKR Negeri untuk melantik jurutera perunding pakar bagi memeriksa dan menilai semula tahap keselamatan struktur stadium berkenaan. Kajian tersebut telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu pada bulan Februari 2012 yang lalu. Berdasarkan hasil laporan kajian tersebut, keseluruhan struktur bangunan stadium berkenaan masih lagi selamat digunakan, tertakluk kepada cadangan kerja-kerja pembaikan yang disyorkan oleh jurutera perunding pakar itu.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 19

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Selangor]  
TARIKH : 9 April 2012

SOALAN Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta PERDANA MENTERI menyaikan pencapaian 6 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sejak ianya di wujudkan pada tahun 2009 sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang telah di ambil untuk mewarwarkan pencapaian tersebut kepada rakyat.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP, telah giat dilaksanakan sejak Januari tahun 2010 di bawah Gagasan IMalaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ianya bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi melalui program-program konkrit untuk menghasilkan impak atau "outcome" yang besar dan bermakna kepada rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) 'National Key Result Areas' atau NKRA iaitu NKRA Jenayah, NKRA Rasuah, NKRA Pendidikan, NKRA Pengangkutan Awam Bandar, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, NRKA Pendapatan Isi Rumah Rendah dan NKRA Kos Sara Hidup.

Dalam tempoh satu tahun, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2010 dan juga Laporan Tahunan 2011 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini pada 2 April 2012 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan 'International Review Panel' (IRP).

Pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tahun 2010 dan 2011 telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar bandar. Bagi tahun 2011, pencapaian termasuk pembinaan jalan-jalan baru sebanyak 1013 km berbanding dengan sasaran 905.12 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 73,227 isi rumah berbanding dengan sasaran 58,087 isi rumah dan penyampaian bekalan elektrik kepada 27,004 buah rumah berbanding dengan sasaran 26,882 buah rumah. Tambahan lagi, sebanyak

14,365 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih berbanding dengan sasaran 9,146 buah rumah.

Selain itu, bagi NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, kita telah melihat sebanyak 63,147 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka melalui perniagaan dan pekerjaan supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, selain daripada pemberian pelbagai subsidi, di antara langkah-langkah Kerajaan ialah memberi bantuan tunai sebanyak RM500 secara one-off kepada anggaran 5.2 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

Pada akhir tahun 2011, NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah sebanyak 26% dan jenayah jalanan sebanyak hampir 40% daripada tahun 2009 sejak GTP dilancarkan. NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh negara. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 36% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik sebanyak 5,157 kontrak tender terbuka secara atas talian. Lebih daripada 132,459 Integrity Pact telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan sebarang projek dan perolehan kerajaan. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan ialah '*Name and Shame Database*' atau Pengkalan Data Pesalah Rasuah yang telah memuatnaik lebih daripada 700 maklumat pesalah rasuah.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 131 peratus daripada sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2011. Jumlah peruntukan bagi program GTP pada tahun 2011 merangkumi sebanyak RM 9.2 billion , di mana sebanyak 92 peratus telah digunakan untuk mencapai implementasi projek-projek di bawah NKRA seperti dihuraikan di atas.

Adalah jelas pelaksanaan GTP telah mendatangkan banyak impak dan manfaat yang positif kepada rakyat, mengikut sasaran-sasaran yang ditetapkan. Dari segi perkhidmatan awam, penggubalan dan pelaksanaan GTP telah menjadikan sistem penyampaian pentadbiran lebih berfokus dan berkesan. Ianya berjaya menghasilkan beberapa inovasi dan pembaharuan, menjalin kerjasama yang lebih erat antara agensi, serta antara sektor awam dan swasta, memupuk budaya kerja yang baru dan lebih positif di kalangan penjawat awam.

Pengurusan nilai atau "*value management*" yang mengutamakan "*value for money*" telah dapat meningkatkan impak dengan mengurangkan kos. Proses perolehan telah menjadi lebih telus dan keberkesanan tindakan terhadap rasuah telah juga meningkat.

Atas landasan yang kukuh ini, Kerajaan yakin GTP akan terus berhasil dan berjaya pada tahun-tahun yang akan datang sehingga mencapai sasaran Wawasan 2020 dan gagasan 1 Malaysia. PEMANDU dengan setiap Kementerian dan agensi masing-masing sememangnya giat mewarwarkan pencapaian GTP melalui pelbagai cara, seperti melalui Hari Terbuka, pameran, majlis berceramah, saluran media massa dan sebagainya.

**SOALAN NO:20**

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN

DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]

9 APRIL 2012

: DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan tentang penyakit dan perosak padi seperti bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah, adakah Kerajaan bercadang mengatasi masalah ini dengan bantuan tanpa racun seperti bahan mesra alam dan lebih selamat selain daripada sumber racun yang boleh memberi kesan sampingan kepada pengguna.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Ulat pengorek batang padi (*Scirpophaga incertulas*) bukanlah ulat kerbau. Ulat pengorek batang padi menyerang bahagian batang padi manakala ulat kerbau menyerang bahagian daun. Serangan ulat kerbau atau ulat ratus (*spodoptera spp.*) telah berlaku di Negeri Kedah mulai bulan Ogos 2011 hingga 21 Febuari 2012 yang melibatkan kawasan MADA dengan keluasan 2,499.09 hektar. Pecahan keluasan kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

- (a) Wilayah 2 (Jitra) - 2,005.29 hektar
- (b) Wilayah 3 (Pendang) - 7.54 Hektar
- (c) Wilayah 4 (Kota Sarang Semut). - 486.26 hektar



Pengurangan hasil akibat serangan ulat ratus ini dianggarkan sebanyak 10 peratus. Sekiranya serangan ulat pengorek batang ini tidak dikawal ia boleh merosakkan padi dan pengurangan hasil akan lebih meningkat.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Menjalankan aktiviti pengawasan atau pemeriksaan untuk menilai status serangan perosak dan penyakit secara berjadual di keseluruhan kawasan sawah padi dan memaklumkan kepada petani mengenai tindakan pengawalan yang diperlukan.
- (b) Mengadakan latihan / kursus serta petak-petak promosi teknologi kawalan perosak dan penyakit tanaman.
- (c) Menerbit dan mengedarkan bahan-bahan cetak kawalan perosak dan penyakit tanaman seperti poster, *pamphlet* dan sebagainya bagi membantu mereka mendapatkan maklumat terkini dan seiring dengan pembangunan teknologi perlindungan tanaman sediaada.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan dan membimbing petani-petani dalam sistem pertanian yang mesra alam dengan mengamalkan kaedah Amalan Pertanian Baik (GAP) melalui Pengurusan Tanaman Bersepadu dan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu bagi menangani masalah penyakit dan perosak padi seperti bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah.

Pengurusan Tanaman Secara Bersepadu (*Integrated Crop Management*) menitikberatkan:

- (a) Penyediaan tanah yang sempurna;
- (b) Penanaman yang serentak;
- (c) Sistem saliran dan perparitan yang baik; dan
- (d) Pembajaan mengikut jadual penanaman.

Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management*) pula merupakan kawalan perosak secara fiizikal, kultura, mekanikal, biologi dan kimia. Pengurusan ini melibatkan:

- (a) Kaedah kawalan secara fizikal seperti gotong royong mengutip siput

gondang, umpan kulit nangka, dan lain-lain;

Kaedah kawalan secara kultura seperti menanam menggunakan kaedah mencedung/*transplanter*, membina parit ladang dan, menggunakan perangkap feromon untuk kawalan kumbang;

Kaedah kawalan secara mekanikal seperti perataan tanah, mengawal pergerakan jentera, menggunakan perangkap lampu bagi kawalan bena perang;

Kaedah kawalan secara biologi seperti burung pungguk bagi mengawal tikus, itik bagi mengawal siput gondang, dan *biopesticide* seperti *bacillus thugensis*, metarhizium dan *neem* dan

Penggunaan racun kimia secara terkawal untuk mengelakkan kemusnahan populasi serangga pemangsa yang boleh mengawal perosak secara semulajadi.

WO-so A LAW<sup>1 2</sup>  
I

rtcrsr^tanrw .!i!

**Ne-ABP-**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM  
BIN OSMAN [ L1PSS ]

TARIKH : 9 APRIL 2012

RUJUKAN : 4535

SOALAN :

Dato' Dr. Mohanrracl Shahrurn bin Osman [ Lips ] minta MENTERI

DALAH NEGERI menyatakan statistik pekerja asing mengikut warga negara dan sektor bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan suku tahun pertama 2012.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lipis di atas soalan yang dikemukakan.

Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeuarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) adalah seramai 2,062,596 orang bagi tahun 2008, 1,918,146 orang bagi tahun 2009, 1,817,871 orang bagi tahun 2010 dan 1,573,061 orang bagi tahun 2011.

Terdapat sebanyak 15 buah negara sumber yang membekalkan pekerja asing ke Malaysia. Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi bagi tahun 2011 adalah seperti berikut

1	Indonesia	785,236
2	Nepal	258,497
3	Myanmar	146,126
4	Bangladesh	116,663
5	India	87,399

Manakala pecahan mengikut sektor bagi tahun 2011 adalah seperti berikut

1. Pembuatan	580,82
2. Perladangan	299,21
3. Pembinaan	223,68
4. Pembantu Rumah	184,09
5. Pertanian	152,32
6. Perkhidmatan	132,91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA** : YB. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub

**KAWASAN** : Kubang Kerian

**TARIKH** : 9.04.2012 (Isnin)

**NO. SOALAN** : 22

YB. Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah dan bentuk hubungan dagangan Malaysia dengan Israel dan nyatakan sejauh manakah Malaysia mengambil bahagian dalam sekatan dagangan terhadap Republik Islam Iran.

Tuan Yang OlPertua,

Untuk makluman **Ahli** Yang Berhormat pada nrtasa ini, **bentuk** perhubungan Malaysia dengan Israel adalah melalui **rangkaian** bekaSan antarabangsa (*international supply chain*) yang febanyakannya terdiri dari bahan mentah dan komponen eiektronik, la dlkendaSIkan oleh **syarikat-syarikat** multinasionaS (**MNC**) yang **beroperasi** di Ranfau TeSuk termasuk Israel. Ini adalah **sebahagian** dari amaian perniagaan antarabangsa yang di bawah kawalan syarikat- syarikat **MNC** Itu sendlrL

Berhubung sekatan dagangan terhadap **Republik** Islam Iran, terdapat dua jenls sekatan ekonorrsi yang dlkenakan laity sekatan *multilateral* ©Sell **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersaty (PBB)** dan sekatan *unilateral* oleh **Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat** Pada dasarnya, **sekatan yang dlkenakan ke atas Iran adalah bertujuan untuk menghalang** perkembangan program teknologi nuklear Iran. **Sebagai** sebuah negara ahSi PBB<sub>3</sub> Malaysia hanya mengiktiraf sekatan *multilateral* dan tidak mengiktiraf sebarang sekatan

ne^wirre-

-Ne-AOP---

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN      LISAN

DARIPADA          PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI [ BATANG SADONG ]

TARIKH             9 APRIL 2012

RUJUKAN           4536

SOALAN :

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [ Batang Sadong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada penilaian dibuat dari segi kualiti sumbangan pendatang asing di negara ini dibuat, misalnya bilangan pendatang yang datang untuk bekerja dan juga untuk belajar di Malaysia dan dari segi ancaman yang berkemungkinan boleh berlaku akibatdari bilangannya yang terlalu ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Batang Saadong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, fokus utama Kementerian Dalam Negeri adalah kepada aspek keselamatan negara. Jabatan Imigresen Malaysia bertanggungjawab untuk mengeluarkan pas selaras dengan keperluan polisi semasa Kerajaan. Dalam hubungan ini, warga asing yang datang ke negara ini untuk bekerja dapat menampung kekurangan bekalan pekerja tempatan bagi memenuhi keperluan sektor-sektor tertentu dan seterusnya dapat membantu menjana ekonomi negara.

Manakala bagi sektor pendidikan, kemasukan pelajar antarabangsa dapat membantu merealisasikan matlamat negara untuk mencapai jumlah pelajar antarabangsa di Malaysia kepada 200,000 orang menjelang tahun 2020 serta menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan serantau yang merupakan agenda Program Transformasi Ekonomi. *National Key Economic Area* (NKEA) juga telah meletakkan sektor pendidikan sebagai antara penyumbang utama kepada pendapatan negara.

Namun demikian, KDN masih memberikan keutamaan kepada aspek keselamatan negara. Sehubungan itu, Kementerian sentiasa memastikan dasar semasa Kerajaan adalah seiring dengan dasar keselamatan negara. Program-program Kerajaan seperti pendaftaran biometrik dan inisiatif Makmal Pengurusan Warga Asing merupakan langkah-langkah Kerajaan bagi menjamin keselamatan negara. Sehingga

kini, pendaftaran biometrik telah berjaya mendaftarkan sejumlah 1.8 juta pekerja asing yang sah di Malaysia. Menerusi program ini, pergerakan keluar masuk pekerja asing yang telah didaftarkan dapat dikawal dengan lebih berkesan.

Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas sekiranya didapati warga asing yang berada di Malaysia menyalahgunakan pas dan melanggar peraturan dan undang-undang negara. Jabatan Imigresen Malaysia akan sentiasa memantau pergerakan warga asing yang keluar masuk dan di samping itu, mana-mana warga asing yang didapati melakukan kegiatan jenayah akan dikenakan tindakan undang-undang yang tegas.



**NO. SOALAN: ^\***

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS  
(2012) \_\_\_\_\_**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]

TARIKH 9 APRIL 2012 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah wujud garis panduan di peringkat pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan Iain-lain tentang kehadiran pemimpin-pemimpin negara yang beragama Islam ke program-program keagamaan anjuran agama-agama lain.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah membincangkan dan mengeluarkan

Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari kebesaran Agama Bukan Islam. Di dalam Garis Panduan ini telah digariskan dan dinyatakan panduan-panduan bagi umat Islam dalam menghadiri majlis perayaan agama bukan Islam. Garis Panduan tersebut menetapkan beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan supaya ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah seperti berikut:

- i. majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam;
- ii. majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak;
- iii. majlis tersebut tidak disertakan dengan "perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam" di negara ini;
- iv. majlis tersebut tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam"; dan
- v. pihak penganjur dan orang ramai diminta mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam.

Untuk mendapatkan Garis Panduan yang lengkap Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada Portal e-Fatwa JAKIM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

BAGI JAWAB LISAN

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [  
Setiawangsa ]

TARIKH

9 April 2012 (Isnin)

SOALAN

25

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha Kerajaan di dalam mempertingkatkan kebolehpayaan pelabuhan dan dermaga di negara ini untuk menampung keperluan sektor perkapalan termasuklah di dalam bidang pembaik pulihan kapal yang semakin kompetitif.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia,

Kerajaan adalah komited untuk mempertingkatkan kebolehpayaan pelabuhan bagi menarik lebih banyak singgahan kapal ke pelabuhan tempatan. Antara usaha yang dilaksanakan adalah:-

(a) meningkatkan kapasiti pelabuhan seperti:

- i. Pelabuhan Kelang - pembangunan empat buah dermaga kontena tambahan yang akan meningkatkan kapasiti pelabuhan dari 6.5 juta TEUs kepada 11 juta TEUs menjelang tahun 2016;
- ii. Pelabuhan Tanjung Pelepas - pembangunan dua buah dermaga tambahan yang akan meningkatkan kapasiti pelabuhan dari 7.5 juta TEUs kepada 10.5 juta TEUs menjelang tahun 2013; dan
- iii. Pelabuhan Kuantan - pembesaran pelabuhan bagi menampung kapal kargo bersaiz besar yang dijangka mula beroperasi pada tahun 2016.

(b) meningkatkan produktiviti pelabuhan melalui pembelian peralatan pelabuhan yang baru dan moden seperti kren-kren baru yang canggih dan *'state of the art'* serta menambahbaik sistem teknologi maklumat pelabuhan.

Bagi mempertingkatkan kebolehpayaan pembaikpulihan kapal di Malaysia, Kerajaan melalui *Malaysian Industry Government-Group For High Technology (MIGHT)* telah pada 2011 melancarkan *Malaysian Shipbuilding/Ship Repair Industry Strategic Plan 2020*. Antara lain strategi yang dirangka di bawah pelan tersebut adalah seperti berikut:

- i. mewujudkan *business-friendly policies* bagi menyokong perkembangan industri pembinaan/pembaikpulihan kapal;
- ii. menggalakkan penggunaan reka bentuk tempatan bagi pembinaan kapal dan mengadaptasi teknologi baru dalam bidang pembinaan/pembaikpulihan kapal; dan
- iii. menilai semula insentif dalam industri pembinaan/pembaikpulihan bagi menggalakkan pelaburan dalam industri berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai *Malaysian Shipbuilding/Ship Repair Industry Strategic Plan 2020* boleh didapati di laman sesawang [www.might.org.my](http://www.might.org.my).

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS  
(2012)

---

PERTANYAAN	LISAN	
DARIPADA	TUAN MOHSIN FADZLI SAMSURI [BAGAN SERAI]	BIN HAJI
TARIKH	9 APRIL 2012 [ISNIN]	

**SOALAN:**

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah bilangan "saudara baru" yang memeluk agama Islam dan murtad dari tahun 2000 hingga 2010.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkaitan dengan maklumat saudara baru yang memohon untuk kembali kepada agama asalnya, berdasarkan statistik yang dari tahun 2000-2012 ialah sebanyak 358 kes direkodkan oleh pihak Mahkamah Syariah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 115 permohonan telah

diluluskan. Data tersebut adalah berdasarkan 6 negeri utama iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Sabah. bauh  
Pula  
u

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO :27**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN  
DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] 09  
APRIL 2012

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana sambutan rakyat terhadap Klinik IMalaysia yang diwujudkan di beberapa tempat seluruh Negara. Bolehkah dinyatakan jumlah mereka yang menggunakan kemudahan ini, dan pecahannya mengikut negeri.

Tuan Yang Di-Pertua

Sehingga Februari 2012, sebanyak 99 buah Klinik IMalaysia (K1M) sedang beroperasi di seluruh Negara. Klinik IMalaysia telah mendapat sambutan yang baik di kalangan masyarakat bandar kerana kemampuan klinik berkenaan menyediakan perkhidmatan rawatan yang ringan dan mudah diperolehi. Ia juga disifatkan sebagai langkah wajar Kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada semua golongan masyarakat di mana sehingga Februari 2012, sejumlah 3,703,470 kedatangan kumulatif ke Klinik IMalaysia dicatatkan di seluruh negara semenjak awal penubuhan



## SOALAN N0.28

K1M iaitu pada Januari 2010. Purata kedatangan adalah di antara 50 orang hingga 150 orang pesakit sehari di setiap klinik. Dari jumlah ini, kedatangan pada 2010 adalah seramai 1,327,580 orang pesakit dan kedatangan pada tahun 2011 adalah seramai 1,986,535 orang pesakit.

Untuk tahun 2010, kedatangan tertinggi dicatatkan oleh negeri Perak seramai 168,231 orang pesakit, diikuti oleh Johor seramai 139,053 orang pesakit dan Sarawak seramai 126,898 orang pesakit. Kedatangan ke negeri-negeri lain adalah di antara 20,000 hingga 120,000 pesakit setahun.

Pada tahun 2011, kedatangan tertinggi dicatatkan oleh negeri Perak seramai 320,127 orang pesakit, diikuti oleh Johor seramai 246,485 orang pesakit dan Selangor seramai 200,323 orang pesakit. Kedatangan pesakit di negeri-negeri lain adalah di antara 12,000 hingga 190,000 setahun.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN]

TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN:

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah penambahan jumlah pemilih di setiap kawasan Parlimen di setiap suku sepanjang tahun 2011 dan juga nyatakan pihak manakah yang mendaftarkan pemilih tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahan jumlah pemilih di setiap kawasan Parlimen di setiap suku sepanjang tahun 2011 adalah seperti di LAMPIRAN.



## **SOALAN NO.28**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pendaftaran sebagai pemilih boleh dibuat di mana-mana saluran pendaftaran seperti yang berikut:

- a) Kaunter statik di Ibu pejabat SPR Putrajaya;
- b) Kaunter statik di Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri;
- c) Kaunter pejabat pos;
- d) Kaunter unit bergerak SPR; dan
- e) Penolong-penolong Pendaftar Pemilih (PPP) daripada wakil jabatan kerajaan, wakil parti politik, wakil pertubuhan bukan kerajaan dan wakil universiti/kolej/kolej universiti yang telah dilantik oleh SPR.

Sekian, terima kasih.

## LAMPIRAN

## STATISTIK PENDAFTARAN BARU DAN TUKAR ALAMAT DARI DPT ST 1/2011 SEHINGGA DPT ST 4/2011

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	DPT ST 1/2011			DPT ST 2/2011			DPT ST 3/2011			DPTST 4/2011		
	BARU	TA	JUMLAH	BARU	TA	JUMLAH	BARU	TA	JUMLAH	BARU	TA	JUMLAH
001 PADANG BESAR	972	248	<b>1,220</b>	672	319	<b>991</b>	602	254	<b>856</b>	508	397	<b>905</b>
002 KANGAR	1,242	189	<b>1,431</b>	1,502	120	<b>1,622</b>	968	180	<b>1,148</b>	793	187	<b>980</b>
003 ARAU	789	82	<b>871</b>	854	107	<b>961</b>	403	73	<b>476</b>	576	146	<b>722</b>
004 LANGKAWI	1,949	93	<b>2,042</b>	1,434	223	<b>1,657</b>	579	120	<b>699</b>	554	346	<b>900</b>
005 JERLUN	954	58	<b>1,012</b>	1,583	241	<b>1,824</b>	730	86	<b>816</b>	0	0	<b>0</b>
006 KUBANGPASU	1,904	167	<b>2,071</b>	1,562	387	<b>1,949</b>	1,300	137	<b>1,437</b>	966	877	<b>1,843</b>
007 PADANG TERAP	913	46	<b>959</b>	915	104	<b>1,019</b>	813	69	<b>882</b>	604	48	<b>652</b>
008 POKOKSENA	2,149	110	<b>2,259</b>	2,240	584	<b>2,824</b>	1,170	155	<b>1,325</b>	1,328	606	<b>1,934</b>
009 ALOR STAR	1,556	285	<b>1,841</b>	1,755	209	<b>1,964</b>	1,130	198	<b>1,328</b>	991	251	<b>1,242</b>
010 KUALA KEDAH	2,216	132	<b>2,348</b>	2,816	147	<b>2,963</b>	1,102	236	<b>1,338</b>	1,148	251	<b>1,399</b>
Oil PENDANG	981	164	<b>1,145</b>	1,115	139	<b>1,254</b>	917	81	<b>998</b>	869	185	<b>1,054</b>
012 JERAI	1,414	74	<b>1,488</b>	1,487	118	<b>1,605</b>	1,426	205	<b>1,631</b>	1,030	229	<b>1,259</b>
013 SIK	2,205	87	<b>2,292</b>	716	46	<b>762</b>	596	126	<b>722</b>	678	87	<b>765</b>
014 MERBOK	2,174	610	<b>2,784</b>	2,220	1,265	<b>3,485</b>	2,597	632	<b>3,229</b>	2,063	1,450	<b>3,513</b>
015 SUNGAI PETANI	2,216	372	<b>2,588</b>	1,737	310	<b>2,047</b>	1,380	256	<b>1,636</b>	1,821	297	<b>2,118</b>
016 BALING	2,094	308	<b>2,402</b>	2,196	291	<b>2,487</b>	1,647	168	<b>1,815</b>	1,578	248	<b>1,826</b>
017 PADANG SERAI	1,821	247	<b>2,068</b>	1,316	189	<b>1,505</b>	2,055	373	<b>2,428</b>	969	224	<b>1,193</b>
018 KULIM-BANDAR BAHARU	1,841	206	<b>2,047</b>	2,026	376	<b>2,402</b>	1,158	207	<b>1,365</b>	0	0	<b>0</b>
019 TUMP AT	2,476	520	<b>2,996</b>	1,400	447	<b>1,847</b>	1,248	419	<b>1,667</b>	2,178	459	<b>2,637</b>
020 PENKALAN CHEPA	1,550	318	<b>1,868</b>	1,456	604	<b>2,060</b>	967	228	<b>1,195</b>	1,709	468	<b>2,177</b>

021 KOTABHARU	3,074	676	<b>3,750</b>	1,504	433	<b>1,937</b>	1,19	508	<b>1,703</b>	1,645	483	<b>2,128</b>
022 PASIR MAS	2,308	446	<b>2,754</b>	1,054	173	<b>1,227</b>	<b>1,11</b>	174	<b>1,285</b>	1,476	<b>297</b>	<b>1,773</b>
023 RANTAU PANJANG	1,180	128	<b>1,308</b>	927	138	<b>1,065</b>	762	92	<b>854</b>	1,403	209	<b>1,612</b>
024 KUBANGKERIAN	1,462	168	<b>1,630</b>	<b>1,121</b>	143	<b>1,264</b>	756	171	<b>927</b>	1,522	235	<b>1,757</b>
025 BACHOK	2,927	582	<b>3,509</b>	1,689	244	<b>1,933</b>	1,34	330	<b>1,677</b>	0	0	<b>0</b>
026 KETEREH	1,270	279	<b>1,549</b>	1,219	751	<b>1,970</b>	<b>1,01</b>	291	<b>1,303</b>	0	0	<b>0</b>
027 TANAHMERAH	1,560	167	<b>1,727</b>	1,364	208	<b>1,572</b>	1,68	628	<b>2,315</b>	1,374	310	<b>1,684</b>
028 PASIR PUTEH	1,942	387	<b>2,329</b>	1,457	230	<b>1,687</b>	1,53	215	<b>1,753</b>	1,805	376	<b>2,181</b>
029 MACHANG	2,031	327	<b>2,358</b>	958	153	1,111	1,25	196	<b>1,454</b>	1,245	214	<b>1,459</b>
030 JELI	1,624	246	<b>1,870</b>	740	390	<b>1,130</b>	434	158	<b>592</b>	809	239	<b>1,048</b>
031 KUALA KRAI	2,349	324	<b>2,673</b>	934	157	<b>1,091</b>	640	123	<b>763</b>	1,341	259	<b>1,600</b>
032 GUAMUSANG	1,048	272	<b>1,320</b>	770	141	<b>911</b>	829	87	<b>916</b>	1,175	160	<b>1,335</b>
033 BESUT	1,890	418	<b>2,308</b>	1,881	1,033	<b>2,914</b>	855	198	<b>1,053</b>	1,067	447	<b>1,514</b>
034 SETIU	1,928	<b>221</b>	<b>2,149</b>	1,640	311	<b>1,951</b>	1,35	125	<b>1,484</b>	683	<b>222</b>	<b>905</b>
035 KUALA NERUS	1,409	391	<b>1,800</b>	1,823	524	<b>2,347</b>	1,23	248	<b>1,483</b>	914	331	<b>1,245</b>
036 KUALA TERENGGANU	1,962	445	<b>2,407</b>	2,323	320	<b>2,643</b>	1,08	192	<b>1,278</b>	1,232	513	<b>1,745</b>
037 MARANG	2,056	571	<b>2,627</b>	1,722	453	<b>2,175</b>	1,27	181	<b>1,458</b>	0	0	<b>0</b>
038 HULU TERENGGANU	1,671	450	2,121	1,520	254	<b>1,774</b>	844	203	<b>1,047</b>	0	0	<b>0</b>
039 DUNGUN	<b>2,121</b>	576	<b>2,697</b>	1,922	383	<b>2,305</b>	980	169	<b>1,149</b>	892	298	<b>1,190</b>
040 KEMAMAN	2,274	535	<b>2,809</b>	2,329	494	<b>2,823</b>	1,33	265	<b>1,597</b>	963	380	<b>1,343</b>
041 KEPALABATAS	<b>1,012</b>	143	<b>1,155</b>	<b>1,121</b>	188	<b>1,309</b>	893	277	<b>1,170</b>	554	154	<b>708</b>
042 TASEKGELUGOR	1,851	135	<b>1,986</b>	1,655	620	<b>2,275</b>	969	169	<b>1,138</b>	666	335	1,001
043 BAGAN	1,329	230	<b>1,559</b>	1,354	303	<b>1,657</b>	1,38	277	<b>1,661</b>	772	338	1,110
044 PERMATANG PAUH	1,384	269	<b>1,653</b>	1,640	382	2,022	1,41	337	<b>1,751</b>	1,083	361	<b>1,444</b>
045 BUKIT MERTA JAM	1,645	331	<b>1,976</b>	1,739	387	<b>2,126</b>	2,05	335	<b>2,386</b>	1,048	423	<b>1,471</b>

046 BATUKAWAN	1,093	226	<b>1,319</b>	1,612	461	<b>2,073</b>	1,1	256	<b>1,427</b>	823	372	<b>1,195</b>
047 NIBONGTEBAL	1,365	223	<b>1,588</b>	1,217	323	<b>1,540</b>	1,2	449	<b>1,739</b>	999	461	<b>1,460</b>
048 BUKIT BENDERA	1,010	227	<b>1,237</b>	1,475	500	<b>1,975</b>	1,1	276	<b>1,415</b>	740	350	<b>1,090</b>
049 TANJONG	559	106	<b>665</b>	608	132	<b>740</b>	529	171	<b>700</b>	360	232	<b>592</b>
050 JELUTONG	1,198	250	<b>1,448</b>	1,774	390	<b>2,164</b>	1,3	325	<b>1,648</b>	833	322	<b>1,155</b>
051 BUKIT GELUGOR	1,567	428	<b>1,995</b>	1,891	439	<b>2,330</b>	2,0	354	<b>2,375</b>	1,2	475	<b>1,706</b>
052 BAYANBARU	1,755	391	<b>2,146</b>	2,485	1,379	<b>3,864</b>	1,4	423	<b>1,868</b>	1,1	842	<b>1,945</b>
053 BALIK PULAU	1,187	326	<b>1,513</b>	1,225	258	<b>1,483</b>	822	300	<b>1,122</b>	615	193	<b>808</b>
054 GERIK	776	379	<b>1,155</b>	615	145	<b>760</b>	570	254	<b>824</b>	572	135	<b>707</b>
055 LENGGONG	982	88	<b>1,070</b>	449	68	<b>517</b>	343	61	<b>404</b>	497	92	<b>589</b>
056 LARUT	1,126	137	<b>1,263</b>	631	97	<b>728</b>	626	122	<b>748</b>	740	174	<b>914</b>
057 PARIT BUNTAR	1,234	114	<b>1,348</b>	1,093	95	<b>1,188</b>	574	83	<b>657</b>	629	151	<b>780</b>
058 BAGAN SERAI	1,347	162	<b>1,509</b>	1,121	202	<b>1,323</b>	806	173	<b>979</b>	750	253	<b>1,003</b>
059 BUKIT GANTANG	1,658	226	<b>1,884</b>	1,174	201	<b>1,375</b>	1,1	299	<b>1,482</b>	1,0	310	<b>1,373</b>
060 TAIPING	1,729	1,206	<b>2,935</b>	1,402	735	<b>2,137</b>	1,2	253	<b>1,479</b>	1,0	822	<b>1,852</b>
061 PADANG RENGAS	556	96	<b>652</b>	466	113	<b>579</b>	384	108	<b>492</b>	373	114	<b>487</b>
062 SUNGAI SIPUT	760	86	<b>846</b>	497	76	<b>573</b>	462	68	<b>530</b>	528	159	<b>687</b>
063 TAMBUN	2,952	613	<b>3,565</b>	2,315	372	<b>2,687</b>	1,7	456	<b>2,196</b>	1,4	524	<b>1,987</b>
064 IPOH TIMOR	940	229	<b>1,169</b>	1,074	957	<b>2,031</b>	1,0	183	<b>1,226</b>	586	360	<b>946</b>
065 IPOHBARAT	889	187	<b>1,076</b>	1,074	326	<b>1,400</b>	1,3	360	<b>1,719</b>	946	447	<b>1,393</b>
066 BATUGAJAH	1,001	202	<b>1,203</b>	1,244	318	<b>1,562</b>	1,3	249	<b>1,570</b>	1,075	438	<b>1,513</b>
067 KUALA KANGSAR	921	120	<b>1,041</b>	476	96	<b>572</b>	475	124	<b>599</b>	661	278	<b>939</b>
068 BERUAS	854	94	<b>948</b>	1,028	112	<b>1,140</b>	844	104	<b>948</b>	630	169	<b>799</b>
069 PARIT	655	221	<b>876</b>	624	107	<b>731</b>	395	191	<b>586</b>	484	172	<b>656</b>
070 KAMPAR	774	160	<b>934</b>	959	125	<b>1,084</b>	875	239	<b>1,114</b>	657	262	<b>919</b>

071 GOPENG	2,082	1,017	<b>3,099</b>	1,649	361	<b>2,010</b>	1,6	399	<b>2,090</b>	1,459	680	<b>2,139</b>
072 TAPAH	993	169	<b>1,162</b>	551	164	<b>715</b>	784	153	<b>937</b>	590	226	<b>816</b>
073 PASIR SALAK	1,706	131	<b>1,837</b>	1,264	215	<b>1,479</b>	862	116	<b>978</b>	794	165	<b>959</b>
074 LUMUT	2,915	2,809	<b>5,724</b>	2,065	316	<b>2,381</b>	1,5	294	<b>1,824</b>	1,377	3,879	<b>5,256</b>
075 BAGAN DATOK	767	144	<b>911</b>	647	103	<b>750</b>	921	92	<b>1,013</b>	571	172	<b>743</b>
076 TELOK INTAN	1,102	124	<b>1,226</b>	1,034	156	<b>1,190</b>	1,2	198	<b>1,459</b>	947	200	<b>1,147</b>
077 TANJONGMALIM	1,710	250	<b>1,960</b>	1,068	137	<b>1,205</b>	1,1	176	<b>1,297</b>	943	271	<b>1,214</b>
078 CAMERON HIGHLANDS	591	49	<b>640</b>	654	59	<b>713</b>	312	41	<b>353</b>	257	56	<b>313</b>
079 LIPIS	925	61	<b>986</b>	600	172	<b>772</b>	452	68	<b>520</b>	473	136	<b>609</b>
080 RAUB	1,522	92	<b>1,614</b>	837	124	<b>961</b>	1,0	95	<b>1,097</b>	658	122	<b>780</b>
081 JERANTUT	1,710	106	<b>1,816</b>	1,389	129	<b>1,518</b>	1,1	127	<b>1,308</b>	947	159	<b>1,106</b>
082 INDERA MAIKOTA	1,488	180	<b>1,668</b>	1,373	955	<b>2,328</b>	1,2	218	<b>1,473</b>	976	1,128	<b>2,104</b>
083 KUANTAN	1,231	143	<b>1,374</b>	1,166	356	<b>1,522</b>	847	140	<b>987</b>	782	287	<b>1,069</b>
084 PAYABESAR	1,552	79	<b>1,631</b>	956	133	<b>1,089</b>	660	40	<b>700</b>	723	117	<b>840</b>
085 PEKAN	4,904	116	<b>5,020</b>	2,351	2,094	<b>4,445</b>	809	168	<b>977</b>	545	946	<b>1,491</b>
086 MARAN	1,273	69	<b>1,342</b>	545	91	<b>636</b>	612	70	<b>682</b>	778	117	<b>895</b>
087 KUALA KRAU	1,399	151	<b>1,550</b>	910	127	<b>1,037</b>	827	80	<b>907</b>	831	218	<b>1,049</b>
088 TEMERLOH	1,639	147	<b>1,786</b>	1,328	871	<b>2,199</b>	1,1	188	<b>1,334</b>	1,212	588	<b>1,800</b>
089 BENTONG	1,202	134	<b>1,336</b>	1,172	236	<b>1,408</b>	868	88	<b>956</b>	538	244	<b>782</b>
090 BERA	1,449	40	<b>1,489</b>	756	101	<b>857</b>	580	49	<b>629</b>	1,154	91	<b>1,245</b>
091 ROMPIN	1,714	46	<b>1,760</b>	1,078	126	<b>1,204</b>	851	80	<b>931</b>	649	201	<b>850</b>
092 SABAKBERNAM	1,063	170	<b>1,233</b>	2,827	148	<b>2,975</b>	244	93	<b>337</b>	302	114	<b>416</b>
093 SUNGAI BESAR	835	143	<b>978</b>	1,257	109	<b>1,366</b>	416	90	<b>506</b>	489	161	<b>650</b>
094 HULU SELANGOR	2,561	993	<b>3,554</b>	1,922	890	<b>2,812</b>	1,4	394	<b>1,820</b>	1,185	763	<b>1,948</b>
095 TANJONGKARANG	1,276	119	<b>1,395</b>	438	60	<b>498</b>	405	63	<b>468</b>	0	0	<b>0</b>



096 KUALA SELANGOR	2,804	600	<b>3,404</b>	1,203	324	<b>1,527</b>	662	284	<b>946</b>	779	518	<b>1,297</b>
097 SELAYANG	2,845	761	<b>3,606</b>	2,421	732	<b>3,153</b>	2,104	613	<b>2,717</b>	1,619	987	<b>2,606</b>
098 GOMBAK	3,822	601	<b>4,423</b>	2,793	423	<b>3,216</b>	2,545	371	<b>2,916</b>	0	0	<b>0</b>
099 AMPANG	2,182	385	<b>2,567</b>	1,605	265	<b>1,870</b>	2,387	273	<b>2,660</b>	<b>1,121</b>	371	<b>1,492</b>
100 PANDAN	1,760	786	<b>2,546</b>	1,954	830	<b>2,784</b>	2,186	460	<b>2,646</b>	0	0	<b>0</b>
101 HULULANGAT	3,651	1,092	<b>4,743</b>	4,072	935	<b>5,007</b>	2,749	1,0	<b>3,767</b>	0	0	<b>0</b>
102 SERDANG	5,000	793	<b>5,793</b>	2,907	882	<b>3,789</b>	3,199	987	<b>4,186</b>	0	0	<b>0</b>
103 PUCHONG	3,666	802	<b>4,468</b>	3,259	<b>1,0</b>	<b>4,260</b>	2,103	1,0	<b>3,200</b>	0	0	<b>0</b>
104 KELANAJAYA	2,219	668	<b>2,887</b>	2,456	820	<b>3,276</b>	2,562	668	<b>3,230</b>	<b>1,221</b>	554	<b>1,775</b>
105 PETALING JAYA SELATAN	1,274	188	<b>1,462</b>	1,391	223	<b>1,614</b>	1,142	192	<b>1,334</b>	821	279	1,100
106 PETALING JAYA UTARA	1,169	339	<b>1,508</b>	1,091	<b>221</b>	<b>1,312</b>	1,455	252	<b>1,707</b>	646	208	<b>854</b>
107 SUBANG	3,343	2,019	<b>5,362</b>	3,331	1,373	<b>4,704</b>	4,152	1,4	<b>5,604</b>	0	0	0
108 SHAHALAM	4,915	858	<b>5,773</b>	1,985	962	<b>2,947</b>	1,486	721	<b>2,207</b>	0	0	0
109 KAPAR	8,072	460	<b>8,532</b>	3,882	644	<b>4,526</b>	2,324	562	<b>2,886</b>	0	0	0
110 KLANG	3,532	473	<b>4,005</b>	2,056	377	<b>2,433</b>	1,696	339	<b>2,035</b>	1,094	692	<b>1,786</b>
111 KOTA RAJA	2,284	887	<b>3,171</b>	7,049	731	<b>7,780</b>	2,362	655	<b>3,017</b>	0	0	<b>0</b>
112 KUALA LANGAT	6,964	445	<b>7,409</b>	1,826	248	<b>2,074</b>	1,649	245	<b>1,894</b>	796	729	<b>1,525</b>
113 SEPANG	3,565	731	<b>4,296</b>	1,605	574	<b>2,179</b>	1,214	501	<b>1,715</b>	1,115	615	<b>1,730</b>
114 KEPONG	1,066	106	<b>1,172</b>	876	159	<b>1,035</b>	1,298	156	<b>1,454</b>	710	319	<b>1,029</b>
115 BATU	1,874	304	<b>2,178</b>	2,285	509	<b>2,794</b>	2,157	441	<b>2,598</b>	1,315	647	<b>1,962</b>
116 WANGSA MAJU	2,667	744	<b>3,411</b>	1,719	553	<b>2,272</b>	1,577	1,4	<b>3,034</b>	837	427	<b>1,264</b>
117 SEGAMBUT	1,458	255	<b>1,713</b>	1,503	258	<b>1,761</b>	1,980	350	<b>2,330</b>	1,398	578	<b>1,976</b>
118 SETIAWANGSA	1,644	624	<b>2,268</b>	1,581	426	<b>2,007</b>	2,667	250	<b>2,917</b>	776	411	<b>1,187</b>
119 TITIWANGSA	1,187	165	<b>1,352</b>	1,226	773	<b>1,999</b>	945	583	<b>1,528</b>	547	218	<b>765</b>
120 BUKIT BINTANG	507	56	<b>563</b>	605	679	<b>1,284</b>	442	61	<b>503</b>	<b>220</b>	104	<b>324</b>

121 LEMBAH PANTAI	2,113	886	<b>2,999</b>	2,582	956	<b>3,538</b>	1,480	803	<b>2,283</b>	905	786	<b>1,691</b>
122 SEPUTEH	1,001	135	<b>1,136</b>	1,337	206	<b>1,543</b>	1,734	368	<b>2,102</b>	865	240	<b>1,105</b>
123 CHERAS	806	121	927	1,012	192	<b>1,204</b>	1,469	174	<b>1,643</b>	543	164	<b>707</b>
124 BANDAR TUN RAZAK	2,228	332	<b>2,560</b>	2,619	523	<b>3,142</b>	2,047	690	<b>2,737</b>	1,232	515	<b>1,747</b>
125 PUTRAJAYA	369	202	<b>571</b>	407	244	<b>651</b>	388	373	<b>761</b>	756	1,891	<b>2,647</b>
126 JELEBU	567	60	<b>627</b>	1,196	90	<b>1,286</b>	1,220	67	<b>1,287</b>	706	107	<b>813</b>
127 JEMPOL	2,319	176	<b>2,495</b>	1,146	178	<b>1,324</b>	1,293	103	<b>1,396</b>	1,065	274	<b>1,339</b>
128 SEREMBAN	1,233	514	<b>1,747</b>	1,333	539	<b>1,872</b>	2,511	1,368	<b>3,879</b>	0	0	<b>0</b>
129 KUALA PILAH	1,309	172	<b>1,481</b>	549	111	<b>660</b>	624	108	<b>732</b>	573	171	<b>744</b>
130 RASAH	1,153	323	<b>1,476</b>	1,610	870	<b>2,480</b>	2,020	650	<b>2,670</b>	1,220	835	<b>2,055</b>
131 REMBAU	1,331	322	<b>1,653</b>	1,774	449	<b>2,223</b>	2,386	527	<b>2,913</b>	1,014	507	<b>1,521</b>
132 TELOKKEMANG	2,136	308	<b>2,444</b>	1,567	945	<b>2,512</b>	1,598	250	<b>1,848</b>	1,987	1,665	<b>3,652</b>
133 TAMPIN	1,117	1,205	<b>2,322</b>	1,086	277	<b>1,363</b>	1,557	125	<b>1,682</b>	809	1,181	<b>1,990</b>
134 MASJID TANAH	732	99	<b>831</b>	1,497	356	<b>1,853</b>	901	167	<b>1,068</b>	640	234	<b>874</b>
135 ALORGAJAH	894	211	<b>1,105</b>	2,077	549	<b>2,626</b>	1,125	447	<b>1,572</b>	788	435	<b>1,223</b>
136 TANGGABATU	1,244	865	<b>2,109</b>	2,264	1,965	<b>4,229</b>	787	205	<b>992</b>	936	1,780	<b>2,716</b>
137 BUKIT KATIL	1,267	632	<b>1,899</b>	5,054	1,416	<b>6,470</b>	1,116	666	<b>1,782</b>	1,227	800	<b>2,027</b>
138 KOTA MELAKA	1,109	226	<b>1,335</b>	1,866	399	<b>2,265</b>	907	263	<b>1,170</b>	895	305	<b>1,200</b>
139 JASIN	1,148	522	<b>1,670</b>	1,470	334	<b>1,804</b>	1,008	269	<b>1,277</b>	875	404	<b>1,279</b>
140 SEGAMAT	641	55	<b>696</b>	955	98	<b>1,053</b>	1,111	86	<b>1,197</b>	1,068	144	<b>1,212</b>
141 SEKIJANG	587	88	<b>675</b>	1,116	175	<b>1,291</b>	956	79	<b>1,035</b>	1,043	125	<b>1,168</b>
142 LABIS	804	262	<b>1,066</b>	565	108	<b>673</b>	542	70	<b>612</b>	732	84	<b>816</b>
143 PAGOHO	640	67	<b>707</b>	821	119	<b>940</b>	724	114	<b>838</b>	1,266	156	<b>1,422</b>
144 LEDANG	1,550	473	<b>2,023</b>	1,115	309	<b>1,424</b>	1,030	102	<b>1,132</b>	988	207	<b>1,195</b>
145 BAKRI	846	162	<b>1,008</b>	1,220	193	<b>1,413</b>	1,223	281	<b>1,504</b>	1,354	395	<b>1,749</b>

146 MUAR	604	90	<b>694</b>	607	164	<b>771</b>	1,09	145	<b>1,236</b>	675	205	<b>880</b>
147 PARIT SULONG	781	45	<b>826</b>	1,111	170	<b>1,281</b>	996	130	<b>1,126</b>	627	161	<b>788</b>
148 AYER HITAM	2,394	202	<b>2,596</b>	439	104	<b>543</b>	620	100	<b>720</b>	439	96	<b>535</b>
149 SRIGADING	664	84	<b>748</b>	778	106	<b>884</b>	700	97	<b>797</b>	1,10	134	<b>1,237</b>
150 BATUPAHAT	1,112	257	<b>1,369</b>	1,702	280	<b>1,982</b>	1,73	452	<b>2,187</b>	1,63	279	<b>1,910</b>
151 SIMPANG RENGGAM	637	31	<b>668</b>	835	75	<b>910</b>	1,04	92	<b>1,139</b>	688	148	<b>836</b>
152 KLUANG	1,132	144	<b>1,276</b>	2,761	1,310	<b>4,071</b>	2,42	586	<b>3,010</b>	1,70	909	<b>2,614</b>
153 SEMBRONG	356	32	<b>388</b>	1,852	123	<b>1,975</b>	1,37	121	<b>1,500</b>	391	105	<b>496</b>
154 MERSING	752	40	<b>792</b>	622	165	<b>787</b>	885	207	<b>1,092</b>	957	503	<b>1,460</b>
155 TENGGARA	579	63	<b>642</b>	722	310	<b>1,032</b>	1,02	135	<b>1,160</b>	748	222	<b>970</b>
156 KOTA TINGGI	776	22	<b>798</b>	788	39	<b>827</b>	1,06	49	<b>1,110</b>	889	85	<b>974</b>
157 PENGERANG	400	19	<b>419</b>	687	100	<b>787</b>	760	53	<b>813</b>	553	284	<b>837</b>
158 TEBRAU	1,858	385	<b>2,243</b>	1,776	469	<b>2,245</b>	2,99	617	<b>3,614</b>	2,48	662	<b>3,145</b>
159 PASIR GUDANG	2,302	610	<b>2,912</b>	1,641	702	<b>2,343</b>	2,68	524	<b>3,211</b>	2,13	910	<b>3,041</b>
160 JOHOR BAHRU	998	233	<b>1,231</b>	1,480	254	<b>1,734</b>	1,67	226	<b>1,899</b>	1,63	527	<b>2,158</b>
161 PULAI	1,273	236	<b>1,509</b>	2,614	611	<b>3,225</b>	2,30	568	<b>2,869</b>	2,07	592	<b>2,664</b>
162 GELANGPATAH	1,204	283	<b>1,487</b>	2,519	931	<b>3,450</b>	2,92	748	<b>3,677</b>	2,38	832	<b>3,216</b>
163 KULAI	1,361	163	<b>1,524</b>	1,467	388	<b>1,855</b>	1,76	361	<b>2,125</b>	1,54	395	<b>1,943</b>
164 PONTIAN	1,156	52	<b>1,208</b>	802	94	<b>896</b>	1,10	91	<b>1,192</b>	800	124	<b>924</b>
165 TANJONG PIAI	872	47	<b>919</b>	704	57	<b>761</b>	843	157	<b>1,000</b>	752	154	<b>906</b>
166 LABUAN	885	43	<b>928</b>	909	612	<b>1,521</b>	395	37	<b>432</b>	674	317	<b>991</b>
167 KUDAT	905	118	<b>1,023</b>	851	110	<b>961</b>	1,02	206	<b>1,226</b>	1,42	276	<b>1,705</b>
168 KOTAMARUDU	908	40	<b>948</b>	1,228	200	<b>1,428</b>	691	106	<b>797</b>	1,30	109	<b>1,409</b>
169 KOTA BELUD	919	64	<b>983</b>	1,595	145	<b>1,740</b>	1,12	50	<b>1,175</b>	1,82	152	<b>1,978</b>
170 TUARAN	1,231	78	<b>1,309</b>	983	112	<b>1,095</b>	845	96	<b>941</b>	832	126	<b>958</b>

171 SEPANGGAR	1,040	170	<b>1,210</b>	1,459	1,435	<b>2,894</b>	1,185	205	<b>1,390</b>	1,2	433	<b>1,646</b>
172 KOTA KINABALU	348	88	<b>436</b>	400	180	<b>580</b>	638	131	<b>769</b>	543	476	<b>1,019</b>
173 PUTATAN	510	54	<b>564</b>	1,050	923	<b>1,973</b>	392	71	<b>463</b>	614	1,0	<b>1,620</b>
174 PENAMPANG	796	106	<b>902</b>	889	212	<b>1,101</b>	951	206	<b>1,157</b>	950	333	<b>1,283</b>
175 PAPAR	684	55	<b>739</b>	882	403	<b>1,285</b>	654	121	<b>775</b>	854	459	<b>1,313</b>
176 KIMANIS	622	59	<b>681</b>	913	104	<b>1,017</b>	368	68	<b>436</b>	689	78	<b>767</b>
177 BEAUFORT	233	16	<b>249</b>	703	83	<b>786</b>	390	58	<b>448</b>	615	113	<b>728</b>
178 SIPITANG	197	18	<b>215</b>	925	95	<b>1,020</b>	670	47	<b>717</b>	883	64	<b>947</b>
179 RANAU	1,046	45	<b>1,091</b>	947	86	<b>1,033</b>	962	88	<b>1,050</b>	917	123	<b>1,040</b>
180 KENINGAU	719	43	<b>762</b>	1,034	111	<b>1,145</b>	837	55	<b>892</b>	1,1	87	<b>1,265</b>
181 TENOM	396	97	<b>493</b>	970	75	<b>1,045</b>	638	92	<b>730</b>	747	43	<b>790</b>
182 PENSIANGAN	429	110	<b>539</b>	1,026	221	<b>1,247</b>	574	41	<b>615</b>	908	29	<b>937</b>
183 BELURAN	500	82	<b>582</b>	790	112	<b>902</b>	598	65	<b>663</b>	723	105	<b>828</b>
184 LIB ARAN	1,200	701	<b>1,901</b>	813	234	<b>1,047</b>	572	209	<b>781</b>	689	353	<b>1,042</b>
185 BATU SAPI	549	214	<b>763</b>	903	504	<b>1,407</b>	422	158	<b>580</b>	736	361	<b>1,097</b>
186 SANDAKAN	612	134	<b>746</b>	801	284	<b>1,085</b>	643	148	<b>791</b>	631	264	<b>895</b>
187 KINABATANGAN	570	135	<b>705</b>	809	358	<b>1,167</b>	536	148	<b>684</b>	841	269	<b>1,110</b>
188 SILAM	1,094	144	<b>1,238</b>	1,348	100	<b>1,448</b>	1,246	146	<b>1,392</b>	1,3	153	<b>1,549</b>
189 SEMPORNA	1,108	70	<b>1,178</b>	902	118	<b>1,020</b>	965	191	<b>1,156</b>	1,3	372	<b>1,771</b>
190 TAWAU	803	108	<b>911</b>	1,358	240	<b>1,598</b>	1,037	153	<b>1,190</b>	1,3	213	<b>1,548</b>
191 KALABAKAN	847	81	<b>928</b>	1,427	261	<b>1,688</b>	825	161	<b>986</b>	1,6	245	<b>1,868</b>
192 MAS GADING	306	34	<b>340</b>	282	53	<b>335</b>	413	17	<b>430</b>	806	53	<b>859</b>
193 SANTUBONG	675	115	<b>790</b>	788	139	<b>927</b>	349	38	<b>387</b>	1,2	63	<b>1,265</b>
194 PETRA JAYA	602	90	<b>692</b>	1,305	203	<b>1,508</b>	821	66	<b>887</b>	747	122	<b>869</b>
195 BANDAR KUCHING	175	159	<b>334</b>	758	253	<b>1,011</b>	869	59	<b>928</b>	198	181	<b>379</b>

597	250	<b>847</b>	2,002	940	<b>2,942</b>	2,817	354	<b>3,171</b>	803
339	150	<b>489</b>	741	802	<b>1,543</b>	510	117	<b>627</b>	711
326	27	<b>353</b>	564	50	<b>614</b>	<b>668</b>	75	<b>743</b>	<b>668</b>
446	65	<b>511</b>	447	32	<b>479</b>	450	32	<b>482</b>	470
160	38	<b>198</b>	260	41	<b>301</b>	125	29	<b>154</b>	760
243	<b>20</b>	<b>263</b>	452	52	<b>504</b>	317	54	<b>371</b>	943
288	83	<b>371</b>	443	232	<b>675</b>	276	43	<b>319</b>	526
180	36	<b>216</b>	176	38	<b>214</b>	214	42	<b>256</b>	249
298	57	<b>355</b>	370	77	<b>447</b>	267	31	<b>298</b>	326
305	53	<b>358</b>	256	21	<b>277</b>	269	31	<b>300</b>	390
266	43	<b>309</b>	264	19	<b>283</b>	214	22	<b>236</b>	346
276	14	<b>290</b>	194	11	<b>205</b>	157	11	<b>168</b>	360
317	100	<b>417</b>	433	95	<b>528</b>	836	129	<b>965</b>	358
329	109	<b>438</b>	105	22	<b>127</b>	242	82	<b>324</b>	554
147	38	<b>185</b>	232	50	<b>282</b>	240	58	<b>298</b>	378
363	95	<b>458</b>	605	158	<b>763</b>	1,293	131	<b>1,424</b>	594
505	232	<b>737</b>	1,018	769	<b>1,787</b>	1,311	155	<b>1,466</b>	608
374	46	<b>420</b>	381	21	<b>402</b>	368	104	<b>472</b>	459
225	58	<b>283</b>	345	67	<b>412</b>	530	55	<b>585</b>	496
399	104	<b>503</b>	297	94	<b>391</b>	446	70	<b>516</b>	501
166	47	<b>213</b>	387	94	<b>481</b>	216	67	<b>283</b>	390
558	137	<b>695</b>	818	185	<b>1,003</b>	545	66	<b>611</b>	1,175
272	49	<b>321</b>	524	78	<b>602</b>	<b>866</b>	57	<b>923</b>	495
558	113	<b>671</b>	1,254	311	<b>1,565</b>	1,050	269	<b>1,319</b>	1,162
308	89	<b>397</b>	318	37	<b>355</b>	709	43	<b>752</b>	512

221 LIMBANG	268	36	<b>304</b>	531	50	<b>581</b>	436	15	<b>451</b>	344	33	<b>377</b>
222 LAWAS	269	59	<b>328</b>	218	38	<b>256</b>	373	20	<b>393</b>	269	43	<b>312</b>
JUMLAH	<b>300,736</b>	<b>59,029</b>	<b>359,765</b>	<b>289,283</b>	<b>76,624</b>	<b>365,907</b>	<i>mm#</i>	52,754	<b>298,013</b>	<b>188,654</b>	<b>70,936</b>	<b>259,590</b>

NOTA : BAGI ST 4/2011, PARLIMEN YANG TERLIBAT DENGAN  
BANTAHAN ADALAH 0

**NO. SOALAN: 29**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL  
[LABUAN]

TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN

YB Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [ Labuan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan berterusan Petroleum Nasional Berhad (Petronas) di dalam memangkin Labuan menjadi hab minyak dan gas negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komitmen untuk membekalkan gas kepada industri di Labuan serta peranan Pangkalan Bekalan Asean (*Asean Supply Base*) sebagai pangkalan utama di rantau ini seharusnya dilihat sebagai usaha berterusan PETRONAS untuk menjadikan Labuan sebagai hab minyak dan gas negara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)
TARIKH	09.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar bukan Cina yang bersekolah di SRJK Cina di setiap negeri dan cadangan untuk membina sekolah SRJK Cina di kawasan Parlimen Bukit Bintang bagi mengatasi masalah kepadatan bilik darjah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Data Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2012, menunjukkan jumlah keseluruhan murid bukan Cina yang bersekolah di SJKC adalah seramai 81,011 orang murid. Daripada jumlah tersebut bilangan murid lelaki adalah seramai 40164 manakala murid perempuan seramai 40847 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak sebelas (11) buah sekolah jenis kebangsaan Cina telah beroperasi di kawasan Parlimen Bukit Bintang. Dari jumlah tersebut, tujuh (7) buah sekolah daripadanya menunjukkan penurunan enrolmen murid dari tahun ke setahun sehinggakan Lembaga Pengurus Sekolah sering menyeru ibu bapa menghantar anak-anak mereka masuk sekolah-sekolah tersebut. Oleh itu, KPM tidak mempunyai perancangan untuk membina sekolah jenis kebangsaan Cina yang baru di kawasan Parlimen Bukit Bintang.



NO SOALAN : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)
TARIKH	09.04.2012 (ISNIN)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan proses pembelian enam kapal peronda generasi kedua (SGPV) pada Februari tahun lalu dengan harga RM6 bilion sedangkan Filipina didedahkan telah membeli kapal jenis sama tetapi sedikit besar dengan harga hanya RM32.7 juta. Adakah pembeliannya melalui proses tender terbuka. Jika ya, berapakah syarikat yang menyertainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tinjauan pasaran bagi kapal yang berkeupayaan serupa dengan *Second Generation Patrol Vessel* atau SGPV telah dilaksanakan. Hasil tinjauan pasaran menunjukkan harga yang ditawarkan adalah masih rendah berbanding dengan kapal-kapal di pasaran

antarabangsa. Beberapa perbandingan harga yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Kapal Tentera Laut Morocco (dianggarkan RM 1.49b sebuah);
- ii. Kapal Tentera Laut Korea (dianggarkan RM1.7b sebuah); dan
- iii. Kapal Tentera Laut Taiwan (dianggarkan RM1.9b sebuah).

Laporan *Congressional Research Service* juga menyatakan kos kapal Tentera Laut Amerika Syarikat telah meningkat dari USD215 juta sebuah kepada USD656 juta sebuah bersamaan RM2.29 bilion sebuah.

Perolehan SGPV dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. sebagai kesinambungan kepada Perjanjian Penswastan yang ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat pada 11 Disember 1995. Melalui perjanjian tersebut, Kerajaan telah bercadang untuk membina 27 buah kapal peronda dengan syarikat ini, dengan enam buah kapal pertama telah mula dibina pada 1998. Kesemua enam buah kapal tersebut telah diterima oleh Kerajaan.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH)

DARIPADA

: LISAN

: 09.04.2012

PERTANYAAN

TARIKH

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [ KUALA KEDAH ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tentang Skim Pembiayaan Khas bagi membantu rakyat yang berminat memiliki rumah di kawasan ibu negara yang akan dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan dengan dana pembiayaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Khas Penjualan di bawah Program Perumahan Rakyat-Majlis Bertindak Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertujuan untuk membantu penyewa sedia ada yang mampu dan sanggup untuk membeli rumah yang ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Skim pembiayaan khas ini yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur setelah mendapat pelbagai aduan daripada penyewa-penyewa sedia ada di rumah-rumah PPR-MTEN dan Perumahan Awam DBKL tentang kesukaran untuk mereka mendapat pinjaman daripada pihak bank.

Kesukaran mendapat pinjaman pihak bank tersebut merupakan antara halangan utama bagi mereka mencapai impian memiliki rumah sendiri. Justeru, skim pembiayaan khas ini merupakan salah satu pilihan kepada penyewa sedia ada untuk membayar secara tunai ataupun terus kekal menyewa kediaman sedia ada dengan kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan selain daripada membuat pinjaman melalui institusi kewangan lain. Tiada elemen paksaan kepada penyewa untuk memilih skim ini bagi membuat pembelian rumah tetapi Kerajaan hanya membantu menyediakan pilihan terbaik kepada mereka yang memerlukan.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) telah merangka strategi untuk mewujudkan skim ini dengan dana pinjaman oleh Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan, sebuah syarikat SPV milik Yayasan Wilayah Persekutuan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berjumlah RM300 juta. Kadar keuntungan ke atas pinjaman yang dikenakan oleh KWSP ialah 5.5% setahun. Manakala pembeli akan dikenakan kadar keuntungan 6.5% setahun. Perbezaan kadar keuntungan 1% tersebut adalah bagi menampung kos operasi Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan. Dalam pada itu sebahagian daripada baki 1% ini juga akan digunakan untuk menampung kos yang dikenakan oleh institusi kewangan sebagai *charge* pengutipan bayaran balik pembiayaan.

go- '\* 3-3

NO AUM ! 25-

NE-AUP-^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]

TARIKH 9 APRIL 2012

RUJUKAN 4538

SOALAN :

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan siapakah yang diberi tanggungjawab oleh Kementerian untuk menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan balai-balai polis di seluruh negara. Berapakah peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Telok Intan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pelaksanaan tugas - tugas penyelenggaraan untuk balai-balai polis di seluruh negara yang melebihi nilai RM 500,000.00 adalah dibawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Manakala penyelenggaraan di bawah RM 500,000.00 adalah di bawah PDRM. Pada tahun 2012, PDRM telah diluluskan peruntukan sebanyak RM 2 juta untuk tujuan penyelenggaraan bangunan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA LISAN  
Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
(HULU TERENGGANU)

TARIKH 09.04.2012

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ] minta Menetri Pelajaran menyatakan sejauh manakah Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA) mampu mengesan lepasan sekolah yang gagal meneruskan pengajian peringkat tinggi atau tercicir daripada persekolahan untuk mendapatkan latihan kemahiran sewajarnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bersama agensi awam dan swasta memang telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menangani masalah pelajar lepasan SPM dan STPM memenuhi masa terluang mereka dengan aktiviti yang berfaedah seperti mengikuti kursus jangka pendek dalam bidang kemahiran dan program-program kemasyarakatan. Antara agensi yang terlibat adalah Kementerian Pengajian Tinggi melalui kursus yang ditawarkan di Kolej Komuniti, Kementerian Belia dan Sukan melalui program rakan muda, Kementerian Luar bandar dan Wilayah melalui program-program MARA, serta Job Malaysia yang menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dan panjang untuk persediaan kepada pekerjaan.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

Y. B DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]

DARIPADA

09 APRIL 2012

TARIKH

4539

RUJUKAN

SOALAN  
Y.B Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa ia mengambil masa berpuluh-puluh tahun untuk memproses dan meluluskan permohonan kewarganegaraan. Adakah Kerajaan mempunyai kriteria kelulusan yang telah ditetapkan atau ia mengikut budi bicara mutlak pihak Kementerian Dalam Negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Beruas yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang memproses permohonan taraf kewarganegaraan semasa tanpa sebarang permohonan yang tertunggak. Memandangkan pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia, maka sebarang pertimbangan mengenainya memerlukan penelitian yang terperinci berdasarkan kelayakan dan pematuhan undang-undang di Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam hal ini, permohonan taraf kewarganegaraan yang diterima pada tahun semasa akan diselesaikan sebelum 31 Disember pada tahun yang berikutnya.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN WONG HO LENG [ SIBU ]

TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN

YB Tuan Wong Ho Leng [ Sibü ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan permintaan yang dibuat oleh Kerajaan Sarawak untuk mengkaji semula royalti 5% minyak dan gas sejak tahun 1970-an. Mengapa kadar tersebut tidak pernah dinaikkan bagi Sarawak sejak

tahun 1970-an.

## JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran hasil petroleum kepada kerajaan negeri yang berkenaan termasuk Sarawak. Peruntukan mengenai bayaran hasil petroleum kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri adalah terkandung dalam Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau *Production Sharing Contract* (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Sehubungan itu, sebarang tindakan untuk meminda kadar hasil petroleum perlu dirundingkan semula antara PETRONAS dan rakan PSC berkenaan. Memandangkan kontrak PSC berkuatkuasa untuk satu tempoh tertentu, sebarang langkah untuk memindanya lebih-lebih lagi untuk menaikkan kadarnya dikhuatiri akan menghakis minat dan keyakinan syarikat minyak asing untuk bergiat dalam industri hulu petroleum yang melibatkan aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas di negara ini. Sungguhpun kadar hasil petroleum kepada kerajaan negeri berkaitan hanya 5 peratus, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan yang besar kepada negeri terbabit, jauh melebihi hasil yang diterima daripada bayaran hasil petroleum. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh, negeri Sarawak merupakan antara negeri yang tertinggi menerima peruntukan pembangunan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM15.3 bilion telah diperuntukkan untuk negeri Sarawak. Bagi

dua tahun pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, Sarawak diperuntukkan sebanyak RM4.8 bilion pada tahun 2011 dan RM4.3 bilion pada tahun 2012.

tJ o • ^oAtAM

• ^©r-AUML\_3fi

NQrA-yp. :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]  
TARIKH : 9 APRIL 2012  
RUJUKAN : 4540

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap golongan yang berusaha mencetuskan ketegangan kaum di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah

Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa memandang serius serta tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada untuk membanteras sebarang bentuk kegiatan oleh mana-mana pihak yang cuba mencetuskan ketegangan antara kaum di negara ini sehingga menggugat keselamatan a warn dan keharmonian antara kaum. Walau bagaimanapun, tindakan hanya akan diambil setelah siasatan mendapati pihak berkenaan terbukti bersalah melanggar undang-undang sedia ada di negara ini berdasarkan bukti serta keterangan dan seterusnya dimajukan ke Pejabat Peguam Negara untuk tindakan pendakwaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN  
CHE NIK (SIK)

TARIKH 09.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan pendirian sebenar Kerajaan Malaysia dalam soal bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SRA dan SMAR), pada dasarnya Kerajaan tidak memasukan bajet sekolah-sekolah ini dalam Belanjawan Negara tetapi mutakhir ini (hampir Pilihan raya) Menteri Pelajaran turun memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah ini. Adakah ini bantuan Pilihan raya atau bantuan untuk kemajuan sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, sampai bilakah dasar ini akan berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan sekolah agama yang berdaftar dan ditadbir oleh Kerajaan Negeri. Secara dasarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak terlibat secara langsung dengan urusan pentadbiran dan kewangan sekolah-sekolah berkenaan disebabkan SAR ini tidak didaftar di bawah KPM dan tidak berada di bawah kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Walau bagaimanapun, KPM membantu SAR tersebut melalui pemberian geran dan disalurkan terus ke sekolah-sekolah tersebut. KPM menyediakan bantuan tertentu bagi membolehkan anak-anak di SAR ini mendapat pendidikan dengan baik. Bantuan-bantuan yang diberikan ialah bantuan per kapita, pembangunan dan bantuan kursus, Pada tahun 2012

bantuan persekolahan RM100.00 turut diberikan kepada semua murid sekolah termasuklah murid SAR.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah memberi bantuan kepada sekolah-sekolah SAR sejak selepas merdeka lagi. Kerajaan menyediakan peruntukan belanja mengurus dalam bajet negara kepada SAR berdasarkan keperluan dan keupayaan Kerajaan. Oleh yang demikian penyampaian bantuan melalui lawatan Menteri Pelajaran adalah satu kaedah yang diamalkan sebelum ini atas asas keprihatinan dan rasa tanggungjawab kerajaan dan tidak ada kaitan dengan pilihan raya seperti yang didakwa.

Rjm 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO (KLANG)
TARIKH	09.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [ KLANG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan logik dan rasional di bawah keputusan Kementerian untuk tarik balik buku sastera Interlok daripada digunakan di sekolah-sekolah selepas membelanja RM 10 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menarik balik buku novel Interlok berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2011. Keputusan penarikan balik novel Interlok daripada digunakan di Sekolah Menengah Tingkatan 5 di Zon 2 ( Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan dan Selangor ) adalah bagi mengelakkan mana-mana pihak daripada terus mempolimikkan novel tersebut demi menjaga keharmonian negara dan novel ini tidak akan dinilai dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2012.





PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PAD A TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
[PADANG SERAI]  
TARIKH 9 APRIL 2012  
SOALAN

Tuan Gobalacrishan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan statistik kematian di Hospital Kulim Hi Tec sejak tahun 2010 sehingga sekarang dan punca kematian serta langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan kadar kematian pesakit di hospital adalah rendah.

i

Tuan Yang di-Pertua

Jumlah kematian di Hospital Kulim yang dilaporkan pada tahun 2010 ialah seramai 504 orang. Kadar kematian pesakit di hospital yang diukur melalui peratusan kematian pesakit daripada jumlah discaj di Hospital Kulim pada 2010 ialah 1.81 peratus.

Lima (5) sebab utama kematian di Hospital Kulim bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:-

Penyakit	Peratus (%)
1. Diseases of the circulatory system	38.89
2. Diseases of the respiratory system	33.93
3. Injury, poisoning and certain other consequences of external cause	5.75
4. Diseases of the genitourinary system	5.56
5. Neoplasm	4.17

Sebab-sebab utama kematian yang ditunjukkan di Hospital Kulim adalah mengikut *trend* yang hampir sama bagi keseluruhan hospital KKM menurut urutan menurun iaitu *diseases of the circulatory system, diseases of the respiratory system, certain infectious and parasitic diseases, neoplasms* dan *injury, poisoning and certain other consequences of external cause*.

Hospital-hospital Kementerian termasuklah Hospital Kulim sentiasa memastikan segala perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Terdapat pelbagai aktiviti kualiti yang dilaksanakan di peringkat hospital bagi menjamin keselamatan pesakit (patient safety) seperti aktiviti-aktiviti akreditasi, audit klinikal, *incident reporting, hospital mortality review, perioperative mortality review, kawalan infeksi, national indicator approach / key performance indicator (NIA / KPI), cardiopulmonary resuscitation, basic life support, neonatal resuscitation programme*, dan lain-lain lagi. Hospital Kulim juga telah mendapat pengiktirafan penuh akreditasi oleh *Malaysian Society for*

*Quality in Health* (MSQH) pada 2011 di mana semua standard yang ditetapkan dipatuhi. Aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas dapat memastikan kadar kematian pesakit di hospital adalah terkawal.

Kementerian telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti pesakit di hospital-hospital melalui aktiviti-aktiviti seperti kempen gaya hidup sihat termasuklah kempen aktiviti fizikal, kurangkan gula dan tidak merokok; pelan strategik kebangsaan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan seumpamanya.

NO. SOALAN

:41 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : YBHG. DATO' SRI AZALINA BINTI  
DATO'

OTHMAN [PENGERANG]

TARIKH : 9 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan, jumlah, pecahan mengikut bangsa secara statistik golongan profesional di negara ini yang telah berjaya dan memilih untuk berkhidmat di negara luar serta pecahan mengikut bidang masing-masing serta apakah terdapat sebarang usaha bukan sahaja untuk membawa mereka pulang namun untuk menjalin kerjasama dalam membangunkan negara.

JAWAPAN

Kerajaan memandang serius isu *brain drain*. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi. Daripada bilangan berkepakaran tinggi di luar negara pada 2010, dianggarkan lebih separuh berada di Singapura, 15% di Australia, 10% di Amerika Syarikat dan 5% di United Kingdom.

Walau bagaimanapun, memahami bahawa dunia kini tanpa sempadan, Kerajaan tidak akan menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi. Kerajaan akan terus berusaha untuk menggunakan fenomena ini untuk manfaat negara. Pendekatan ini adalah selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*". Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara. Justeru, fenomena emigrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar.

Sehubungan itu, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)

mengadakan sesi temu seru ke arah membangunkan jaringan dengan masyarakat Malaysia di luar negara, termasuk di Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sesi temu seru sedemikian turut diadakan bersama wakil-wakil industri dalam negara untuk mempromosikan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil daripada pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Bagi tahun 2012, sesi temu seru setakat ini telahpun diadakan di Ireland, United Kingdom dan Jepun yang telah dihadiri oleh golongan professional Malaysia dari pelbagai bidang. Sesi temu seru ini antara lain membolehkan masyarakat Malaysia di luar negara memahami dengan lebih mendalam lagi usaha-usaha TalentCorp untuk memudahcara (*facilitate*) kepulangan golongan professional ke Malaysia serta peluang pekerjaan yang luas di Malaysia hasil daripada projek di bawah ETP.

Selain itu, TalentCorp juga terus berusaha untuk membina jaringan profesional dengan mereka yang menetap di luar negara untuk memanfaatkan kepakaran dan jaringan luar negara mereka bagi faedah pembangunan ekonomi tempatan walau di manapun mereka berada. Misalnya, beberapa pakar Malaysia dari Silicon Valley telah dijemput kembali ke tanahair untuk mengendalikan bengkel di ibu negara pada bulan yang lalu bersama beberapa syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

NO.SOALAN :

42 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN:

YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa peratuskah kenaikan gaji bagi Kumpulan JUSA dan premier di dalam Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA).

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZR1 BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu.

Kenaikan gaji bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi termasuk JUSA dalam Sistem Saraan Malaysia yang ditambahbaik ini adalah sebanyak 7% hingga 9% dengan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) berdasarkan pelarasan peratusan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO'IBRAHIM BIN ALI

KAWASAN PASIR MAS

TARIKH 9 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah projek *By-Pass* Pasir Mas akan dilaksanakan dan apakah reka bentuk sudah disiapkan serta anggaran kos perbelanjaan bagi projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;



Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan Projek Membina Jalan Pintas Pasir Mas (*Pasir Mas By-Pass*) telah dibahagikan kepada dua fasa, iaitu fasa 1 dan 2. Projek ini bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan bandar Pasir Mas menerusi pembinaan sebuah jalan pintas sepanjang 8 kilometer dari Kg. Bongor ke Kg. Kubang Pak Amin, Pasir Mas.

Pelaksanaan projek fasa t telah diluluskan pada RMKe-9 dan bersambung ke RMKe-10. Projek dengan harga kontrak sebanyak RM27.5 juta itu telah dimulakan pada bulan Disember 2007 dan akan siap pada 31 Disember 2012. Skop projek ini melibatkan kerja-kerja membina jalan baru dua lorong sehaia (*single carriageway*) dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 5 kilometer dari Kg. Kubang Bongor ke Kg. Kubang Bemban. Pada masa kini kemajuan fizikai semasa di tapak ialah 76%.

Manakala pembinaan fasa kedua projek ini pula melibatkan sambungan dari skop pelaksanaan fasa 1, iaitu membina jalan dari Kg. Kubang Bemban ke Kg. Kubang Pak Amin sepanjang 5 kilometer, menaik taraf bulatan Lemal kepada persimpangan berlampu isyarat, termasuk membina jalan bertingkat dan menaik taraf Jambatan Salor. Anggaran keseluruhan kos projek untuk fasa kedua ini ialah sebanyak



RM210 juta. Pada masa kini reka terperinci sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Jun 2012. Sehubungan itu, kementerian ini akan memohon dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan pelaksanaan fasa 2 Projek Jalan Pintas Pasir Mas, Kelantan dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 44

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Dato' Kamarul Bahrin bin Abbas [Telok Kemang ]

TARIKH : 09 April 2012 (Isnin)

SOALAN : Dato' Kamarul Bahrin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) pinjaman dan geran yang telah diberikan kepada Projek Berimpak Besar selain National Feedlot Centre (NFC) seperti Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani (UIAT) dan Ladang Kontrak; dan
- (b) status perkembangan projek - projek tersebut berbanding sasaran.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak memberikan pinjaman atau geran kepada peserta - peserta projek ZIA, TKPM dan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani. Bagaimanapun, geran peruntukan diberikan bagi pembangunan Ladang Kontrak.

Kementerian ini menyediakan kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, bekalan elektrik dan bekalan air kepada peserta - peserta ZIA dan TKPM. Bagi Program Pembangunan Usahawan IAT pula, pembiayaan adalah tertumpu pada kegiatan promosi dan pembangunan usahawan.

- (b) Dalam tempoh RMKe-9 (2006-2010), jumlah keseluruhan kawasan TKPM Tanaman yang telah dibangunkan adalah seluas 4,704.82 hektar dengan bilangan projek sebanyak 55 TKPM (termasuk 30 TKPM RMKe-8). Di samping itu, 3 TKPM belum dibangunkan iaitu di Pahang, Perak dan Kelantan yang masih dalam proses Kajian Impak Ke atas Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*) dan ukur sempadan. Sehingga kini, bilangan peserta yang terlibat ialah seramai 913 orang usahawan tani di mana 160 orang adalah mewakili syarikat. Sehingga kini, jumlah pengeluaran hasil daripada TKPM sebanyak 195.54 ribu tan metrik berbanding sasaran 184.30 ribu tan metrik dengan nilai RM199.91 juta.

Bagi program ZIA pula, sebanyak 10 buah negeri di Semenanjung Malaysia telah terlibat dan 35 buah kawasan telah dibangunkan dengan keluasan seluas 23,508 hektar melibatkan sebanyak 78 buah syarikat dan 1,555 orang peserta. Sehingga kini, pengeluaran hasil ialah sebanyak 94,369 tan metrik dengan nilai RM259 juta.

Manakala bagi program Ladang Kontrak, seramai 5,078 orang telah didaftarkan berbanding sasaran 4,450 orang yang merangkumi 9,142 ha atau 127% berbanding sasaran 7,200 ha pada tahun 2011. Pengeluaran sebanyak 386,746 MT dicatatkan berbanding sasaran 300,000 MT yang bernilai RM 694.1 juta berbanding sasaran RM600 juta.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, **MALAYSIA**

**: Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN OMU** (ALOR GAJAH)

DARIPADA

: LISAN : **09.04.2012**

PERTANYAAN Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]  
TARIKH minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sebab  
simpanan KWSP yang bernilai RM1.5 bilion digunakan sebagai dana pinjaman  
untuk pembelian projek perumahan awam serta bagaimanakah syarat-  
syaratnya dianggap memihak kepada KWSP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Subang bersama  
dengan soalan Yang Berhormat Gombak pada 5.4.2012 dan 11.4.2012 serta  
Yang Berhormat Alor Gajah pada 9.4.2012 kerana pertanyaan tersebut  
menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemudahan pembiayaan  
kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) iaitu syarikat SPV  
dimiliki oleh Yayasan Wilayah Persekutuan ialah RM1.5 bilion. Walau  
bagaimanapun, hanya RM300 juta diluluskan oleh KWSP bagi pengeluaran  
pertama. Pengeluaran seterusnya akan dibuat berdasarkan prestasi syarikat  
SPV tersebut.

2. Mengikut Akta KWSP 1991 Seksyen 26, KWSP dibenarkan untuk  
melabur

dalam hutang dan pinjaman termasuklah kepada sektor Kerajaan. Semua pinjaman yang diberikan oleh KWSP dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dan sentiasa mengutamakan perlindungan simpanan ahli. Semua cadangan pelaburan dikemukakan kepada Panel Pelaburan untuk pertimbangan dan keputusan. Bagi pinjaman kepada syarikat, Akta KWSP 1991 menetapkan bahawa kelulusan Menteri Kewangan diperlukan.

3. Kemudahan pinjaman kepada SPWP ini dibuat berdasarkan pertimbangan komersil dengan jaminan atau sekuriti yang bersesuaian untuk melindungi kepentingan ahli. Jaminan atau sekuriti kemudahan pembiayaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Semua unit rumah akan dicaj atau diuntukkan oleh SPWP kepada KWSP, dengan perlindungan jaminan sekurang-kurangnya dua kali ganda amaun pinjaman;
- (ii) Penahanan tunai sebanyak 25% daripada pembayaran pinjaman KWSP kepada SPWP yang akan disimpan dalam akaun rizab kecairan yang diuntukkan kepada KWSP bersama-sama dengan semua peruntukan aliran tunai;
- (iii) SPWP melantik institusi kewangan yang bersesuaian untuk menguruskan pentadbiran pinjaman skim ini bagi memastikan akaun individu diuruskan dengan baik; dan
- (iv) Akujanji daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membeli balik rumah-rumah berkenaan bagi mendapatkan aliran tunai yang diperlukan untuk pembayaran balik pinjaman jika peserta tidak membayar pinjaman.

4. Sebagai rumusan, cadangan pelaburan KWSP dipertimbangkan dengan secara objektif dan profesional dan melalui proses kajian penilaian menyeluruh termasuk risiko-risiko yang ada dan dapat dimitigasi supaya KWSP tidak mengambil risiko pelaburan yang berlebihan yang boleh memberi impak negatif kepada simpanan ahli dalam jangka masa panjang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA YB SALLEH BIN KALBI  
TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN:

YB Salleh bin Kalbi [ Silam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kriteria yang diguna pakai dalam menilai prestasi penjawat awam untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang dan Perkhidmatan Terpuji memandangkan ianya tidak lagi mencerminkan hasrat kewujudan anugerah tersebut apabila pemilihan dibuat mengikut senioriti dan bukan atas dasar kecemerlangan prestasi penerima anugerah.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,



Pemilihan penjawat awam bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan di dalam Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2002 “Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam” yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada 22 November 2002. Penganugerahan bukan mengikut kekananan (senioriti) pegawai sebaliknya berasaskan kecemerlangan prestasi. Kriteria-kriteria yang melayakkan seseorang pegawai dipertimbangkan APC adalah seperti berikut:

- (a) Berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian;
- (b) Markah penilaian prestasi tahunan yang mencapai 85% dan lebih; dan
- (c) Perakuan Ketua Jabatan untuk pertimbangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Pemilihan oleh PPSM adalah berasaskan sumbangan pegawai kepada organisasi, perkhidmatan awam, komuniti, daerah, negeri, negara dan peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN:

47 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[BALING]

TARIKH : 9 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN

Dato<sup>1</sup> Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta PERDANA MENTERI

menyatakan jumlah syarikat Bumiputera yang dikenal pasti sebagai Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang telah ditubuhkan pada 2 Februari 2011.

JAWAPAN:

Program Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) telah dilancarkan bagi tujuan membangun generasi usahawan Bumiputera bertaraf dunia dalam ke semua 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Program ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam ekonomi, meningkatkan kapasiti, mempercepatkan pertumbuhan dan berdaya saing di pasaran terbuka tanpa bergantung kepada kontrak kerajaan.

Sehingga Februari 2012, jumlah syarikat TeraS yang telah diumumkan adalah sebanyak 80 syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] 9**

**TARIKH**

**SOALAN**

**April 2012 Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta**

**PERDANA MENTERI menyatakan tahap pencapaian NKRA sehingga kini dan menyatakan secara statistik kesannya kepada rakyat hingga sekarang.**

**JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Program Transformasi Kerajaan ataupun GTP, telah giat dilaksanakan sejak Januari tahun 2010 di bawah Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ianya bertujuan untuk menjadikan penyampaian perkhidmatan awam lebih berkesan lagi melalui program-program konkrit untuk menghasilkan impak atau "outcome" yang besar dan bermakna kepada rakyat Malaysia, dalam bentuk tujuh (7) 'National Key Result Areas' atau NKRA iaitu NKRA Jenayah, NKRA Rasuah, NKRA Pendidikan, NKRA Pengangkutan Awam Bandar, NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar, NKRA Pendapatan Isi Rumah Rendah dan NKRA Kos Sara Hidup.

Dalam tempoh satu tahun, GTP telah menunjukkan hasil yang jelas dan menggalakkan, seperti yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2010 dan juga Laporan Tahunan 2011 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini pada 2 April 2012 dengan angka-angka yang disahkan oleh Pricewaterhouse Coopers (PwC) dan 'International Review Panel' (IRP).

Pelaksanaan NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar bagi tahun 2010 dan 2011 telah menyentuh kehidupan 3.2 juta rakyat luar bandar. Bagi tahun 2011, pencapaian termasuk pembinaan jalan-jalan baru sebanyak 1013 km berbanding dengan sasaran 905.12 km, penyambungan bekalan air bersih kepada 73,227 isi rumah berbanding dengan sasaran 58,087 isi rumah dan penyampaian bekalan

elektrik kepada 27,004 buah rumah berbanding dengan sasaran 26,882 buah rumah. Tambahan lagi, sebanyak 14,365 buah rumah kos rendah telah dibina atau dibaikpulih berbanding dengan sasaran 9,146 buah rumah.

Selain itu, bagi NKRA Isirumah Berpendapatan Isi Rumah Rendah, kita telah melihat sebanyak 63,147 isi rumah mengambil bahagian dalam Program 1Azam yang merangkumi Azam Tani, Azam Niaga, Azam Kerja dan Azam Khidmat, yang menambahkan pendapatan mereka melalui perniagaan dan pekerjaan supaya dapat keluar daripada perangkap golongan miskin. Di bawah NKRA Kos Sara Hidup, selain daripada pemberian pelbagai subsidi, di antara langkah-langkah Kerajaan ialah memberi bantuan tunai sebanyak RM500 secara one-off kepada anggaran 5.2 juta isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3000 sebulan.

Pada akhir tahun 2011, NKRA Jenayah telah melihat penurunan dalam Indeks Jenayah sebanyak 26% dan jenayah jalanan sebanyak hampir 40% daripada tahun 2009 sejak GTP dilancarkan. NKRA Pendidikan telah melihat hampir 77,225 kanak-kanak yang mendapat faedah dari penambahan 3,089 kelas pra-sekolah di seluruh negara. NKRA Pengangkutan Awam Bandar pula telah melihat peningkatan sebanyak 36% bagi penumpang kereta api dan LRT serta peningkatan sebanyak 22% bagi Bas Ekspres Transit (BET) dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Bagi NKRA Membanteras Rasuah, antara pencapaian yang telah dicatat adalah penubuhan 14 mahkamah khas rasuah yang telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 2011, yang membolehkan 249 kes rasuah dapat diproses sepanjang tahun lalu. Portal MyProcurement juga telah memuatnaik sebanyak 5,157 kontrak tender terbuka secara atas talian. Lebih daripada 132,459 Integrity Pact telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat dengan sebarang projek dan perolehan kerajaan. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan ialah *'Name and*

*Shame Database'* atau Pengkalan Data Pesalah Rasuah yang telah memuatnaik lebih daripada 700 maklumat pesalah rasuah.

Secara keseluruhan, GTP telah berjaya mencapai 131 peratus daripada sasaran yang ditetapkan untuk tahun 2011. Jumlah peruntukan bagi program GTP pada tahun 2011 merangkumi sebanyak RM 9.2 billion , di mana sebanyak 92 peratus telah digunakan untuk mencapai implementasi projek-projek di bawah NKRA seperti dihuraikan di atas.

Adalah jelas pelaksanaan GTP telah mendatangkan banyak impak dan manfaat yang positif kepada rakyat, mengikut sasaran-sasaran yang ditetapkan. Dari segi perkhidmatan awam, penggubalan dan pelaksanaan GTP telah menjadikan sistem penyampaian pentadbiran lebih berfokus dan berkesan. Ianya berjaya menghasilkan beberapa inovasi dan pembaharuan, menjalin kerjasama yang lebih erat antara agensi, serta antara sektor awam dan swasta, memupuk budaya kerja yang baru dan lebih positif di kalangan penjawat awam.

Pengurusan nilai atau "*value management'* yang mengutamakan "*value for money*" telah dapat meningkatkan impak dengan mengurangkan kos. Proses perolehan telah menjadi lebih telus dan keberkesanan tindakan terhadap rasuah telah juga meningkat.

Atas landasan yang kukuh ini, Kerajaan yakin GTP akan terus berhasil dan berjaya pada tahun-tahun yang akan datang sehingga mencapai sasaran Wawasan 2020 dan gagasan 1 Malaysia. PEMANDU dengan setiap Kementerian dan agensi masing-masing sememangnya giat mewarwarkan pencapaian GTP melalui pelbagai cara, seperti melalui Hari Terbuka, pameran, majlis berceramah, saluran media massa dan sebagainya.



PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID  
BIN SYED JAAFAR ALBAR [ KOTA  
TINGGI ]

TARIKH 9 APRIL 2012

SOALAN Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan bagaimanakah peranan dan langkah yang akan dilaksanakan oleh 'Gerakan Wassatiah Antarabangsa<sup>1</sup> (yang diilhamkan oleh YAB sendiri) untuk melahirkan persefahaman di antara tamadun bagi menentukan kesederhanaan



**No. Soalan:[53]**  
**PR-1251-L47381**

dianuti oleh semua golongan masyarakat  
di dalam dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>9 APRIL 2012</b>
<b>SOALAN</b>	Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Republik Rakyat China dan Kesatuan Eropah (EU) memberi sokongan terbuka terhadap Gerakan Kesederhanaan Global yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Kota Tinggi ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Tenom di giliran ke-53 pada hari yang sama kerana soalan-soalan tersebut saling berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju mahupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan

terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan- badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa,

tokoh-

tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-pemimpin agama dan aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan GMM telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di Universiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan GMM, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarkan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam mahupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012,

Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui GMM bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asia-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN  
MOHAMED [SEPANG ]

TARIKH

9 APRIL 2012

SOALAN

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [ Sepang ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah buku yang diterbitkan bagi tahun 2010 dan 2011 serta nyatakan langkah Kerajaan bagi meningkatkan penerbitan buku khususnya karya dari golongan muda terutamanya graduan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Buku Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2010 dan Laporan Statistik Perpustakaan Negara 2011, jumlah penerbitan buku di Malaysia pada tahun 2010 adalah sebanyak 15,756 judul manakala pada tahun 2011, jumlah penerbitan buku telah meningkat 13.8% dengan 17, 923 judul.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam meningkatkan penerbitan buku negara termasuk yang dihasilkan oleh penulis muda lepasan IPT adalah seperti berikut:

SOALAN NO: 50

- (i) menyediakan insentif seperti Dana Pembelian Terus Buku-Buku Karya Penulis Tempatan yang berjumlah RM2 juta setahun;
- (ii) mengadakan program khusus untuk penulis muda dengan kerjasama agensi Kerajaan, swasta, IPT, sekolah, Badan Bukan Kerajaan dan persatuan yang berkaitan dengan penulis; dan
- (iii) mengadakan program galakan membaca bagi meningkatkan minat membaca dan menulis yang sekaligus dapat merangsang perkembangan industri penerbitan negara.



UO - SoALIA^ '•  
**S'I H&AUM: 57-**

**NO-AUE.,:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA  
LANGAT]**

**TARIKH 9 APRIL 2012**

**RUJUKAN 4541**

**SOALAN :**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah mangsa pemerdagagangan  
manusia dalam negara serta keberkesanan usaha membanteras  
jenayah ini sejak akta berkaitan dikuatkuasakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang telah mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Semenjak Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran dikuatkuasakan pada Februari 2008 sehingga 31 Januari 2012, sebanyak 2,391 mangsa telah berjaya diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan sementara (IPO) di bawah seksyen 44 (1) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Daripada jumlah tersebut, seramai 941 mangsa telah diberikan perintah perlindungan (PO) di bawah seksyen 51 (3) Akta yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius akan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sehubungan dengan itu pelbagai usaha telah dan sedang diambil bagi menangani kedua-dua jenayah tersebut. Antara usaha

yang diambil oleh



Kerajaan adalah melalui penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Bagi memberikan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah ini, Kerajaan telah meminda Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang kemudiaannya dikenali sebagai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Melalui pindaan ini, kadar penalti bagi kesalahan pemerdagangan orang telah dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta.

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) juga telah ditubuhkan selaras dengan peruntukan di dalam Akta. MAPO bertanggungjawab untuk memantau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dilantik iaitu Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Media dan Publisiti, serta Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh.

Selain itu, Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang sebagai satu panduan untuk melaksanakan usaha membanteras jenayah pemerdagangan orang. Pelan Tindakan Kebangsaan ini menggariskan strategi Kerajaan dalam membanteras jenayah ini di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Di peringkat domestik, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya (*capacity building*) bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran di kalangan anggota penguatkuasaan, perundangan dan kehakiman mengenai pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Kefahaman dan kemahiran anggota ini perlu dipertingkatkan kerana mereka adalah anggota barisan hadapan (*frontliner*) yang perlu berhadapan dengan kes-kes pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Selain itu, program-program kesedaran awam telah diperhebatkan termasuklah mengadakan kempen-kempen kesedaran awam, menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta Lapangan Terbang Antarabangsa. Pendekatan ini diambil kerana Kerajaan sedar bahawa penglibatan dan kerjasama rakyat secara keseluruhan dalam membantu menangani isu pemerdagangan orang adalah amat penting.

Usaha terkini yang diambil oleh Kerajaan adalah dengan melaksanakan Program 6P iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Melalui Program ini semua pekerja

warga asing akan didaftarkan melalui National Enforcement Registration System (NERS) yang dikendalikan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Usaha ini dilihat akan membantu Kerajaan mengekang jenayah pemerdagangan orang dan juga penyeludupan migran.

Di peringkat antarabangsa pula, Kerajaan telah mengadakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom dan juga beberapa pertubuhan antarabangsa seperti International Organization for Migration (IOM), United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC) dan The Center for the Protection of Children's Rights Foundation (CPCR) dalam aspek bina upaya (*capacity building*). Kerajaan juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Australia melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Malaysia-Australia mengenai Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Manusia. Sehingga kini empat mesyuarat Kumpulan Kerja ini telah diadakan bagi membincangkan usaha-usaha dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia yang melibatkan kedua - dua buah negara.

Daripada usaha-usaha yang telah diambil, agensi-agensi penguatkuasa yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM), Agensi

Tuan Yang Dipertua,  
Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah berjaya membuat sebanyak 599 tangkapan melibatkan 426 kes pemerdagangan orang bagi tempoh Februari 2008 sehingga 31 Januari 2012. Dari aspek pendakwaan pula, sebanyak 392 kes telah berjaya dituduh di Mahkamah yang mana sebanyak 66 kes telah selesai dibicarakan dan 57 sabitan telah dibuat bagi tempoh yang sama.



DEWAN PEMBERITAHU PERTANYAAN  
PERTANYAAN LISAN RAKYAT

DARIPADA Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI ONG KA CHUAN  
(TANJONG MALIM)

TARIKH 09.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [ TANJONG MALIM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) apakah kriteria telus yang diguna pakai oleh Kementerian dalam menentukan sesebuah sekolah layak diklasifikasikan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (High Performancing Schools); dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan pelaksanaan inisiatif yang menyeluruh untuk meningkatkan pembangunan holistik sistem pelajaran negara supaya sasaran untuk mencapai 100 buah Sekolah Berprestasi Tinggi pada akhir tahun 2012 dapat dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kriteria untuk pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah sekolah yang berada dalam Band Satu (1) berdasarkan skor komposit yang mengambil kira Gred Purata Sekolah (GPS) dan keputusan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Syarat generik untuk pengiktirafan sebagai SBT adalah seperti berikut:
- i. SKPM sekurang-kurangnya 90% dalam tahun semasa;

- ii. pencapaian akademik menunjukkan trend menaik bermula dengan TOV sekurang-kurangnya 80% murid lulus dalam setiap peperiksaan awam. Manakala, GPS dalam semua peperiksaan awam meningkat/kekal pada tahap cemerlang;
- iii. pernah menerima anugerah kecemerlangan kurikulum dan kokurikulum pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir;
- iv. tiada audit berteguran dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir;
- v. sekolah mempunyai jaringan (networking) dan jalinan (lingkages) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- vi. tiada tindakan tatatertib dan pelanggaran punca kuasa (Perintah Am Bab D) dalam kalangan warga sekolah untuk tempoh tiga (3) tahun terakhir.

(b) Kementerian telah melaksanakan inisiatif program *handholding* iaitu memberi bimbingan secara holistik berdasarkan kepada instrumen Annex untuk membantu sekolah-sekolah Band 1 yang berpotensi untuk menjadi SBT agar sasaran untuk mencapai 100 SBT pada akhir tahun 2012 tercapai.

Rjm 92

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWABLISAN**

**DARIPADA : DATUKRAIME BIN UNGGS[ TENOM**

**TARSKH : 9 APRIL 2012**

**No. Soalan:[53]  
PR-1251-L47381**

SuALAN : Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta  
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah  
negara-negara maju seperti Amerika Syarikat,  
Republik Rakyat China dan Kesatuan Eropah  
(EU) memberi sokongan terbuka terhadap  
Gerakan Kesederhanaan Global yang  
dicituskan oleh Perdana Menteri Malaysia,  
Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGS JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERS SYED  
SYED JAAFAR ALBAR | KOTA TINGGI

TARIKH : 9 APRIL 2012

SOALAN : Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed  
Jaafar ASbar [ Kota Tinggi ] meminta MENTERI  
LUAR NEGERI menyatakan bagaimanakah  
peranan dan langkah yang akan dilaksanakan  
oleh 'Gerakan Wassatiah Antarabangsa'  
(yang diilhamkan oleh YAB sendiri) untuk  
melahirkan persefahaman di antara tamadun  
bagi menentukan  
kesederhanaan dianuti oleh semua

**No. Soalan: [49]**  
**PR-1251-L47678**

golongan masyarakat di dalam dan luar  
negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Kota Tinggi ini bersekali dengan soalan dari Yang Berhormat Tenom di giliran ke-53 pada hari yang sama kerana soalan-soalan tersebut saiing berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Konsep kesederhanaan dalam Pergerakan Kesederhanaan Global atau *Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa, samada dari negara-negara maju mahupun negara-negara membangun.

3. Di antara negara-negara yang telah menyatakan sokongan mereka secara terbuka terhadap GMM ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Denmark, Perancis, Portugal, Itali, Switzerland, Hungary, Austria, Slovakia, Latvia, Thailand, China, Korea Selatan, Indonesia, Filipina, India, Malta, Emiriah Arab Bersatu, Jordan, Arab Saudi, Tanzania, Namibia dan Kenya. Malah, Pope Benedict XVI juga telah menyuarakan sokongan terhadap GMM.

4. Selain itu, organisasi serantau seperti ASEAN; mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di peringkat Ketua Kerajaan seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM); serta institusi-institusi akademik terkemuka seperti *Oxford Centre of Islamic Studies* di United Kingdom dan *East-West Center* di Hawaii telah menyatakan sokongan terbuka mereka terhadap konsep GMM.

5. Sambutan baik dan sokongan terbuka masyarakat antarabangsa ke atas GMM, bukan sahaja dari negara-negara luar, tetapi juga dari golongan cendekiawan, badan bukan kerajaan dan individu membuktikan bahawa GMM telah diterima sebagai amalan antarabangsa yang boleh dipraktikkan dalam pelbagai situasi dan bidang bagi mencapai keamanan, keharmonian dan kesejahteraan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Persidangan ulung Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global yang berlangsung dari 17 hingga 19 Januari 2012 di Kuala Lumpur telah menerima sambutan yang amat baik. Seramai lebih 500 peserta dari serata dunia telah menghadiri Persidangan ini yang terdiri dari pemimpin-pemimpin kerajaan, para cendekiawan, badan-badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa, tokoh-tokoh korporat, diplomat-diplomat asing, pemimpin-pemimpin agama dan aktivis-aktivis sosial.

7. Hasil dari Persidangan ini, satu Yayasan *GMM* telah ditubuhkan, bertujuan sebagai pusat mengumpul dan menyebarkan maklumat dan bahan-bahan kempen bagi mengatasi fahaman ekstremis. Sebuah Institut Wasatiyyah juga telah ditubuhkan sebagai sebahagian dari Pejabat Perdana Menteri bagi mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek, seperti demokrasi, undang-undang, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial. Selain itu, sebuah Kerusi Akademik akan diadakan di LUniversiti Malaya bagi menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan mengkaji subjek kesederhanaan.

8. Melalui penubuhan Yayasan *GMM*, Institut Wasatiyyah dan Kerusi Akademik ini, konsep kesederhanaan akan disebarakan secara lebih meluas dan mendalam kepada pelbagai golongan masyarakat, samada di dalam mahupun di luar negara ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan sejagat. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, konsep kesederhanaan dapat menghasilkan persefahaman, toleransi, tolak ansur dan perbincangan, bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan. Seperti yang dimaklumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada 13 Mac 2012, Malaysia memperjuangkan konsep kesederhanaan melalui *GMM* bukan sahaja dalam konteks membina sebuah negara bangsa yang lebih harmoni dan lebih bersatu padu, tetapi juga sebagai satu bentuk pendekatan yang boleh membawa penyelesaian kepada soal keamanan sejagat.

9. Yayasan GMM telah diberi mandat untuk mempromosi GMM dan kini sedang merangka aktiviti tahunannya. Selain itu, Kerajaan kekal aktif dalam mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Mesyuarat Asta-Eropah, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), serta melalui hubungan dua hala dengan pelbagai negara.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN :       BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA            Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)

TARIKH               9 April 2012 (Isnin)

SOALAN              54

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan justifikasi dan sebab pembatalan perjalanan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) ke destinasi KL Bandung, KL-Dubai, KL Johanesburgh dan beberapa laluan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Penerbangan Malaysia



(MAS) telah membatalkan perkhidmatan penerbangan ke destinasi Kuala Lumpur-Bandung, Kuala Lumpur-Dubai, Kuala Lumpur-Johannesburg dan beberapa laluan lain disebabkan laluan-laluan tersebut telah mencatatkan kerugian yang tinggi seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Destinasi-destinasi</b>	<b>Tarikh Efektif Pemberhentian Penerbangan</b>	<b>Kerugian Yang Dicatatkan Dari Januari 2011 hingga 6 Disember 2012 (RM juta)</b>
i.	Kota Kinabalu-Osaka	6 Jan 2012	10.9
ii.	Kota Kinabalu-Seoul	21 Feb 2012	18.5
iii.	Kota Kinabalu-Haneda (Tokyo)	1 Feb 2012	13.1
iv.	Kota Kinabalu-Perth	30 Jan 2012	14.8
v.	Singapore-Penang-Langkawi	30 Jan 2012	7.1
vi.	Kuala Lumpur-Surabaya	6 Jan 2012	12.3
vii.	Kuala Lumpur-Dubai	10 Jan 2012	28.0
viii.	Kuala Lumpur-Dubai-Dammam	13 Jan 2012	24.6
ix.	Kuala Lumpur-Karachi-Dubai	12 Jan 2012	20.6
x.	Kuala Lumpur-Capetown-Buenos Aires	1 Feb 2012	101.9
xi.	Kuala Lumpur-Johannesburg	31 Jan 2012	42.0
xii.	Kuala Lumpur-Rome	2 Feb 2012	46.3
xiii.	Kuala Lumpur-Bandung	25 Okt 2011	9.0
	<b>Jumlah</b>		<b>349.1</b>

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan]

TARIKH 9 April 2012 (Isnin)

SOALAN 55

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-

- (a) mengapa AirAsia telah menghentikan penerbangan antarabangsa ke Paris dan London; dan
- (b) mengapa Firefly telah menghentikan penerbangan ke negeri Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, AirAsia X telah menghentikan penerbangan antarabangsa ke Paris dan London disebabkan kos

operasi yang sangat tinggi akibat kenaikan harga minyak di pasaran global, keadaan ekonomi yang lemah di Eropah dan pelaksanaan pelbagai cukai di London dan Paris.

Manakala Firefly telah memberhentikan perkhidmatan penerbangannya ke laluan-laluan di Sarawak dan Sabah kerana perkhidmatan ke laluan- laluan tersebut telah mencatatkan kerugian yang besar.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH

LISAN

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ]

09.04.2012 (ISNIN)

DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah insentif Kerajaan kepada kedai-kedai makanan yang menyahut seruan Kerajaan untuk menyediakan menu 1 Malaysia yang berkualiti dan murah kepada para pelanggan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Program kerjasama antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama pengusaha premis makanan ini telah dilancarkan pada 7 Julai 2011 dan dilaksanakan secara sukarela. Tiada insentif yang diberikan kepada pengusaha makanan ini kecuali pemberian poster, "bunting" dan sijil penyertaan di awal penyertaan.

Walau bagaimana pun, kementerian telah mengadakan beberapa bentuk promosi untuk program ini yang secara tidak langsung mempromosikan juga premis-premis makan yang mengambil bahagian. Antaranya adalah :

- 'TV crawler' semasa waktu perdana
- Iklan di akhbar tempatan
- Penyenaiaan premis makanan yang mengambil bahagian di portal pengguna bijak, [www.1pengguna.com](http://www.1pengguna.com)

Selain daripada itu, kementerian juga sedang dalam perbincangan untuk meningkatkan promosi program ini. Untuk pengetahuan, kementerian meminta budget sebanyak RM 10 juta untuk tujuan promosi tetapi hanya RM 500,000 diluluskan. Antara cadangan lain ialah :

- Diselitkan dalam program-program yang sedia ada seperti Bersamamu, rancangan travel budget dan MHI
- Penajaan daripada pengeluar makanan dan juga syarikat minyak.
- Link portal MR1M di laman sesawang pelancongan di setiap negeri, laman sesawang pelancongan seperti Agoda, Trip advisor dan Booking.com

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)

DARIPADA PE  
RT  
AN  
YA  
AN

LISA  
N

TARIKH

Y.B DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI  
HARON

[TANGGA BATU] 9 APRIL 2012

SOALAN

57

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan kadar radioaktif yang diwar-warkan oleh pihak tertentu yang dikatakan mengeluarkan bahan radioaktif yang membahayakan kesihatan dan alam sekitar. Nyatakan juga adakah projek LYNAS mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan berapakah had radiasi yang diluluskan untuk projek itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang DI Pertua,

Berdasarkan laporan Kajian *Radiological Impact Assessment* (RIA), dos 'dedahan sinaran luar' atau *external radiation exposure* iaitu kesan secara langsung pada kadar 0.002 miliSievert/tahun yang dijangka diterima oleh orang awam tidak akan memberi kesan signifikan. Had

yang ditetapkan oleh LPTA dan juga piawaian antarabangsa (IAEA) adalah 1 miliSievert/tahun,



iaitu 500 kali lebih tinggi dari jangkaan dos sinaran yang dihasilkan oleh projek LAMP.

Bagi pekerja pula, dos dedahan sinaran luar adalah pada kadar 5.62 miliSievert/tahun, jauh lebih rendah berbanding dengan had yang ditetapkan oleh LPTA dan juga standard antarabangsa IAEA iaitu 20 miliSievert/tahun.

Kesimpulannya, impak dedahan sinaran luar yang dijangka akan diterima oleh orang awam dan juga pekerja adalah sangat rendah dan berada di bawah tahap yang ditetapkan oleh LPTA dan IAEA.

**NO SOALAN :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.04.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu mewujudkan rumah mampu milik (Affordable Home) di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya prihatin terhadap keperluan pembangunan rumah mampu milik dan projek ini telah dilaksanakan di seluruh negara semenjak dahulu lagi. JKP Sdn Bhd (JKPSB) dan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB), syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah diberi mandat untuk menjayakan usaha Kerajaan ini.

2. Hampir keseluruhan projek pembangunan rumah mampu milik di Pulau Pinang dilaksanakan oleh JKPSB semenjak syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1995. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 2,939 unit rumah telah siap dibina dan penjualan rumah tersebut telah pun mencecah 97%. Harga jualan rumah-rumah yang dikendalikan oleh JKPSB kebiasaannya kurang 20% daripada harga pasaran semasa iaitu di antara RM30 ribu sehingga RM198 ribu mengikut jenis rumah. Selain itu, JKPSB turut menanggung caj-caj yang dikenakan kepada pembeli rumah seperti yuran peguam, *stamp duty* dan juga kos yang berkaitan dengan perjanjian perumahan.

3. Pembangunan projek perumahan oleh JKPSB meliputi kawasan-kawasan berikut (perincian seperti di lampiran):

- i. Seberang Prai Selatan - Taman Ilmu, Seri Putera Permatang Tok Mahat, Seri Saujana Bukit Panchor dan Kg Simpah;
- ii. Seberang Prai Tengah - Permatang Pauh, Seri Puteri Guar Perahu, Penanti, Kg Bagan Serai danjuru;
- iii. Seberang Prai Utara - Taman Penaga Permai;
- iv. Daerah Barat Daya - Sri Bayu Bayan Lepas, Seri Anggun Sg. Nibong dan Permatang Pasir; dan
- v. Daerah Timur Laut - Kg Pisang Awak Jelutong.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat 2 projek perumahan di bawah Program Rumah Mampu Milik (*Affordable Home*) di Pulau Pinang yang

dilaksanakan oleh SPNB iaitu di Mutiara Vista, Jalan Jelutong, Seksyen 1, Daerah Timur Laut dan juga di Taman Limbungan Indah, Seksyen 4, Seberang Perai Utara. Sehingga bulan Januari 2012, sebanyak 856 unit rumah telah siap dibina dan penjualan rumah tersebut telah pun mencecah 98%.

5. Berdasarkan kepada usaha-usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh kedua-dua syarikat MKD tersebut, jelaslah bahawa Kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu mewujudkan rumah mampu milik di seluruh negara termasuklah Pulau Pinang.

6. Berikutan itu, SPNB juga berhasrat untuk meningkatkan lagi Program Rumah Mampu Milik di Pulau Pinang, terutamanya bagi pembinaan rumah-rumah yang berharga di bawah RM100 ribu dengan syarat Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tanah di kawasan pulau dan melonggarkan syarat-syarat ke atas tapak yang akan dibangunkan. Namun sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri masih belum memberikan sebarang maklum balas atau minat untuk menjayakan program ini.

SOALAN NO:

59 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE  
[MAS GADING]

TARIKH 09 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Dr. Tekhee @ Tiki Anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenapa kontraktor tempatan yang setaraf dengan kontraktor dari luar Negeri Sarawak dipinggirkan untuk kontrak membuat/memasang 'prosthesis'.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil perhatian atas perkara ini dan akan memberi peringatan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di negeri Sabah dan Sarawak serta Labuan untuk mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan bil.5 Tahun 2009, di mana dalam 3.1 (c), jelas disebut bahawa perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah dari pembuat pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di negeri berkaitan. Perolehan/bekalan yang dimaksudkan adalah untuk tujuan sebut harga ( Pembelian bersih RM50.000- RM500,000 ) setahun.

PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN

LISAN

SOALAN NO : 60

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]  
9 APRIL 2012 (ISNIN)

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengadakan pembentangan khas di Parlimen berkenaan pembangunan perikanan Tok Bali memandangkan projek ini adalah antara ikon pembangunan perikanan negara pada masa depan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang DiPertua,

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani belum ada perancangan untuk mengadakan pembentangan khas di Parlimen berkenaan pembangunan perikanan Tok Bali.

NO.

SOALAN:61 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN LINDA TSEN THAU LIN [ BATUSAPI ]

TARIKH : 9 APRIL 2012

SOALAN

Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta PERDANA MENTERI menyatakan dalam usaha untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (gross domestic product) di bawah program transformasi ekonomi, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kestabilan alam sekitar dan pemulihan kepelbagaian biologi.

JAWAPAN

Usaha untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (Gross Domestic Product - GDP) di bawah program transformasi ekonomi adalah penting bagi memelihara kesejahteraan rakyat Malaysia melalui kelangsungan pembangunan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keprihatinan Kerajaan terhadap alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi diabaikan dalam meraih faedah ekonomi. Menyeimbangkan pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar bukan perkara mudah namun, Kerajaan berpandukan amalan terbaik Pembangunan Mampan (Sustainable Development) telah merangka pelbagai dasar jangka panjang, sederhana dan pendek; pelan tindakan; garis panduan dan undang-

undang bagi memantapkan lagi kestabilan alam sekitar dan pemuliharaan kepelbagaian biologi, antaranya adalah:

1. Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan;
2. Dasar Perubahan Iklim Negara;
3. Dasar Teknologi Hijau Negara;
4. Pengurusan hutan secara berkekalan;
5. Kawasan Perlindungan Marin;
6. National Strategy for Plant Conservation;
7. Pelaksanaan Central Forest Spine dan Heart of Borneo;
8. Penguatkuasaan undang-undang bagi perdagangan spesies flora dan fauna; dan
9. Pengukuhan perundangan berkaitan alam sekitar dan biodiversiti.

Melalui langkah yang diambil, aset kepelbagaian biologi Negara akan terus dipelihara dan dipulihara disamping dapat menyumbang kearah meningkatkan pendapatan rakyat dan seterusnya Negara terutamanya melalui sektor eko-pelancongan dan industri herba serta farmaseutikal.

Kesimpulannya, Kerajaan sentiasa menyokong dan mengamalkan pembangunan mampan yang berlandaskan pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar.

LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH

KOTA BHARU 9 APRIL 2012 (ISNIN)

PERTANYAAN :

DARIPADA :

SOALAN:

KAWASAN :

TARIKH : Y.B. DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN  
ABDULLAH (KOTA BHARU) minta MENTERI KERJA RAYA  
menyatakan status terkini jalan raya *Central Spine* dari Bentong, Pahang ke Gua  
Musang, Keiantan.



## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan bagi meningkatkan rangkaian aksesibiliti jalan yang menghubungkan kawasan Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk membina dan menaik taraf jalan Persekutuan *Central Spine* dari Gua Musang, Kelantan hingga ke Bentong, Pahang sepanjang 390 kilometer. Skop projek ini melibatkan cadangan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan empat lorong dua hala (*dual two carriageway*) dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM4.5 bilion. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berfasa, tertakluk kepada peruntukan semasa Kerajaan.

Untuk tujuan pelaksanaan, projek ini akan dibahagikan kepada 6 pakej utama, iaitu Pakej 1: Kuala Krai - Jambatan Sg. Lakit (51km); Pakej 2: jambatan Sg. Lakit - Gua Musang (63km); Pakej 3: Gua Musang - Kg. Relong, Pahang (107km); Pakej 4; Kg. Relong - Raub (56km); Pakej 5: Raub - Bentong (60km); dan Pakej 6: Bentong - Simpang Pelangai, Pahang (53km). Pada masa kini kerja-kerja mereka bentuk dan pengambilan tanah bagi keseluruhan pakej sedang giat dijalankan. Namun demikian, pelaksanaan projek ini akan dibuat secara berperingkat bermula dari RMKe-10 dan bersambung ke RMKe-11. Dalam tempoh RMKe-10 ini, keutamaan Kerajaan ialah untuk

melaksanakan sebahagian dari Pakej 3 (Gua Musang ke Kg. Relong) dan sebahagian dari Pakej 5 (Raub ke Bentong). Manakala bagi pakej-pakej lain, pelaksanaan fizikal projek dijangka akan dimulakan dalam tempoh RMKe-11.

Sekian. Terima kasih.

**Soalan No : 63**

PERTANYAAN PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
LISAN

DARIPADA Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS)

TARIKH 09.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [ KUALA NERUS ]  
minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pengambilan Guru Sandaran  
Tidak Terlatih (GSTT) untuk Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dan  
Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pengambilan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) untuk Program Persediaan  
Ijazah Sarjana Muda Perguruan ialah seramai 1366 orang yang dilatih di IPG. Manakala  
seramai 6173 orang GSST mengikuti Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah iaitu  
4083 orang di IPTA dan 2090 orang di IPG. Jumlah keseluruhan ialah 7539 orang.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS,  
TAHUN 2012 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF (BALIK  
PULAU)**

**TARIKH : 9 APRIL 2012**

**SOALAN : 64**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kos pembinaan dan jumlah pelajar Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau.

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

MARA amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap sistem pendidikan kemahiran MARA.

Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau telah mula beroperasi pada tahun 2005 dengan kos pembinaan sejumlah RM112,421,292.

Pada masa ini jumlah pelajar yang berdaftar di kolej tersebut adalah seramai 293 orang yang mengikuti kursus-kursus seperti Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang Pembuatan (Acuan), Pembuatan, Mekanikal Rekabentuk, Peralatan & Acuan, Rekabentuk Produk serta juga Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanik.

Bilangan pelajar akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kemudahan bagi memberi peluang kepada lebih ramai Bumiputera mengikuti kursus-kursus kemahiran anjuran MARA.

NO. SOALAN :

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN DING KUONG HIING [SARIKEI]

TARIKH JAWAPAN : 9 APRIL 2012 (ISNIN)  
DI DEWAN RAKYAT

### SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:-

- (a) status pembinaan Loji Pembersihan Baru di Sarikei; dan
- (b) perkembangan terbaru penambahbaikan Loji Pembersihan di Bayong baru-baru ini berikutan

ketidakfungsian 3 mesin lama dan rancangan penukaran paip HDPE daripada jenis AC di seluruh bahagian Sarikei.

#### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung ketidakfungsian Loji Pembersihan Bayong, Sarikei dan ketidakmampuan isi padu air menampung keperluan penduduk sekitarnya, pihak Kementerian telah mengambil inisiatif dengan menyenaraikan loji rawatan tersebut di dalam program *Sarawak Corridor Of Renewable Energy* (SCORE) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Di dalam program SCORE ini, projek ini dinamakan sebagai projek Hab Halal Tanjung Manis: Pembangunan Sumber Air Untuk Bekalan Air Hab Halal Tanjung Manis. Projek ini dibiayai di bawah peruntukan siling RMKe-10 yang telah pun diluluskan sebanyak RM25 juta.

Walau bagaimanapun, skop kerja asal yang melibatkan pembinaan Loji Pembersihan Bayong telah diubah dan dikeluarkan dari projek Hab Halal

Tanjung Manis: Pembangunan Sumber Air Untuk Bekalan Air Hab Halal Tanjung Manis. Cadangan pembinaan Loji Pembersihan Bayong, Sarikei kini telah diluluskan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dan status semasa pelaksanaan projek masih di peringkat perancangan.

Tuan Yang Dipertua,

Masalah ketidakfungsian Loji Pembersihan Bayong adalah berpunca daripada sebuah mesin pam air mentah yang tidak berfungsi kerana ia telah usang. Tindakan segera telah diambil dimana pam air mentah tersebut telah dibaik pulih pada bulan Jun 2011 yang lalu.

Cadangan penukaran paip jenis *Asbestos Cement* (AC) kepada jenis *High Density Polyethylene* (HDPE) di seluruh kawasan Sarikei telah dimasukkan di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan Negeri Sarawak untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sebanyak RM37.5 juta akan dipohon untuk melaksanakan projek penggantian paip jenis AC tersebut di seluruh

negeri Sarawak. Sekiranya permohonan peruntukan tersebut diluluskan, jumlah panjang keseluruhan paip yang dicadangkan untuk ditukar di kawasan Sarikei adalah 40 kilometer dan anggaran kos pelaksanaannya adalah sebanyak RM8 juta. Pelaksanaan projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2013 sehingga 2015 dan akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan.

\*\*\*\*\*



SOALAN NO.: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

KAWASAN

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO PUCHONG

TARIKH

9 APRIL 2012 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah tindakan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan kadar tol di kawasan Puchong dan sama ada terdapat jalan-jalan baru yang akan dibina merentasi kawasan Puchong dan sekiranya ada tol dan jika ada, berapa harga yang dicadangkan dan untuk jangka masa berapa lama.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat prihatin dan sentiasa mencari jalan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh rakyat, termasuk isu kadar tol dan kesesakan di Puchong, khususnya di Lebuh Raya Damansara - Puchong (LDP). Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2007 telah menstrukturkan semula kadar tol LDP di mana pengguna kenderaan kelas 1 di lebuh raya tersebut sehingga kini hanya perlu membayar RM1.60 sahaja berbanding RM2.10 mengikut perjanjian konsesi asai.

Manakala mengenai usaha mengurangkan masaiah kesesakan di LDP puia, Kerajaan dengan kerjasama dari syarikat konsesi berkenaan sememangnya sentiasa mengkaji dan melaksanakan pelbagai tindakan proaktif untuk tujuan tersebut. Antaranya ialah menerusi pelaksanaan sistem *contra-flow* pada waktu puncak yang telah diperkenalkan sejak bulan Mac 2010. Kaedah ini telah membantu untuk mengurangkan masaiah kesesakan di LDP, khususnya dari Plaza Tol Petaling Jaya Selatan menghala ke Puchong. Di samping itu, syarikat konsesi juga setakat ini telah membelanjakan hampir RM900 juta untuk menaik taraf lebuh raya tersebut, iaitu dari Persimpangan Bertingkat Puchong Intan ke Persimpangan Bertingkat Kg. Baharu, Puchong, Persimpangan TTDI dan Persimpangan Surian.



Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan pembinaan 2 buah lebuh raya baru yang melalui kawasan Puchong, Selangor, iaitu Lebuh Raya Kinrara - Damansara (KIDEX) dan Lebuh Raya Serdang - Kinrara - Putrajaya (SKIP). Kedua-dua projek itu akan dilaksanakan menerusi kaedah penswastan lebuh raya bertol. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada rundingan teknikal dan kewangan yang diperlu dimuktamadkan terlebih dahulu antara Jawatankuasa Kerjasama Awam - Swasta (OKAS) dengan syarikat konsesi berkenaan sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan. Oleh itu, tertakluk kepada hasil rundingan dan kelulusan oleh Kerajaan, kedua-dua projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2013.

Sekian. Terima kasih.



No. Soalan: [67]

PR-1251-L48322

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN            JAWAB LISAN

DARIPADA            YB DATUK WEE JECK SENG (TANJONG PIAI)

TARIKH                            09APRIL 2012

SOALAN                            YB DATUK WEE JECK    SENG    (TANJONG  
PIAI)

minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pertikaian sempadan dengan Indonesia di mana nelayan-nelayan kita

yang menjadi mangsa.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Piai atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap pertikaian sempadan maritim di antara Malaysia dan Republik Indonesia. Usaha-usaha sentiasa diambil bagi menyelesaikan isu ini dan bagi memastikan ianya tidak memberikan kesan negatif terhadap hubungan dua hala yang sedia terjalin dan akrab.

3. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dan Indonesia sedang di dalam proses perundingan dua hala bagi membincangkan kaedah terbaik ke arah mencapai penyelesaian yang saksama dan muktamad berhubung dengan pertikaian sempadan maritim. Dalam hubungan ini, rundingan pembatasan sempadan mengambil masa yang panjang kerana banyak faktor yang perlu dipertimbang dan diteliti pada setiap tahap perbincangan dan perundingan meliputi aspek perundangan, teknikal, dan sebagainya. Semenjak tahun 2005, 21 Mesyuarat Teknikal Persempadanan Maritim telah diadakan dan Mesyuarat Teknikal yang seterusnya akan diadakan dalam bulan



April 2012.

4. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, perkembangan perundingan di dalam Mesyuarat Teknikal diberi perhatian dan dibincangkan di peringkat Menteri Luar Negeri kedua-dua negara di bawah kerangka, dengan izin, *Joint Cooperation for Bilateral Cooperation* (JCBC), dan juga di dalam Perundingan Tahunan (dengan izin, *Annual Consultations*) di antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Republik Indonesia.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Kerajaan juga sedar bahawa isu pertikaian sempadan maritim boleh memberikan kesan terhadap komuniti maritim di kedua-dua negara. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha dilakukan bagi memastikan pertikaian sempadan tidak memberikan kesan negatif terhadap komuniti maritim. Berhubung dengan masyarakat nelayan, Kerajaan amat peka dengan masaiah yang dihadapi oleh mereka dan langkah-langkah sewajarnya sentiasa diambil bagi mendasari permasalahan mereka. Dialog di antara agensi Kerajaan termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Perikanan dan agensi penguatkuasaan maritim dengan komuniti nelayan sentiasa diadakan.

6. Aspek nelayan juga dibincangkan di dalam Mesyuarat JCBC

dan Perundingan Tahunan. Malahan, pemimpin tertinggi kedua-dua telah memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini dan lanjutan daripada itu, satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani pada 27 Januari 2012, iaitu dengan izin, *Memorandum of Understanding between the Government of Malaysia and the Government of the Republic of Indonesia in respect of the Common Guidelines Concerning Treatment of Fishermen by Law Enforcement Agencies of Malaysia and the Republic of Indonesia*. Melalui MOU ini, Malaysia dan Indonesia mewujudkan garis panduan kepada agensi-agensinya penguatkuasaan maritim di dalam menangani isu-isu perikanan demi memastikan kebajikan nelayan daripada kedua-dua pihak terpelihara.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Usaha-usaha meningkatkan keyakinan dan persefahaman dengan Republik Indonesia akan terus dilaksanakan bagi memastikan isu tuntutan bertindih kawasan maritim tidak akan memberikan kesan negatif terhadap masyarakat, mahupun hubungan dua hala yang sedia terjalin.

Sekian, terima kasih.

